PERKEMBANGAN EKONOMI DAN KEWANGAN DI MALAYSIA PADA SUKU KETIGA 2007

TINJAUAN KESELURUHAN

Ekonomi bertambah kukuh pada suku ketiga

Ekonomi Malaysia bertambah kukuh pada suku ketiga 2007. Permintaan dalam negeri yang terus kukuh meningkatkan pertumbuhan KDNK benar kepada 6.7%. Permintaan dalam negeri disokong oleh aktiviti perbelanjaan penggunaan dan pelaburan swasta yang memberangsangkan. Ini diperkukuh oleh perbelanjaan sektor awam yang meningkat. Dari segi penawaran, pertumbuhan diterajui oleh sektor perkhidmatan.

Pertumbuhan bertambah kukuh pada suku ketiga 2007 (pada harga tahun 2000)



Sektor perkhidmatan terus berkembang dengan pesat untuk mencatat pertumbuhan dua angka sebanyak 10.5%, disokong oleh permintaan dalam negeri, pelancongan dan aktiviti perniagaan yang memberangsangkan. Yang penting, prestasi subsektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan, dan subsektor perdagangan borong dan runcit, penginapan dan restoran adalah menggalakkan.

Semua sektor utama lain mencatat pertumbuhan positif pada suku ketiga. Pertumbuhan sektor perkilangan meningkat kepada 3.4% (S2:1.5%), mencerminkan pemulihan beransur-ansur dalam industri elektronik dan elektrik (E&E) dan peningkatan selanjutnya dalam industri berorientasikan dalam negeri. Pengeluaran industri berorientasikan eksport meningkat 1.4% (S2: -1.6%), disokong oleh pemulihan dalam sektor E&E berikutan peningkatan pengeluaran separa konduktor terutama bagi memenuhi permintaan dari Republik Rakyat China (RR China) dan Kesatuan Eropah. Di samping itu, segmen komputer dan komponen yang berkait rapat dengan perkembangan dalam pasaran Amerika Syarikat (AS) menunjukkan peningkatan pada suku ketiga (0.2%; S2: -16.6%). Sementara itu, industri berorientasikan dalam negeri terus berkembang 4.6% (S2:8.6%), disokong terutamanya oleh aktiviti pembinaan dalam negeri yang berterusan dan peningkatan jualan kenderaan bermotor baharu berikutan pengeluaran model baharu.

Sektor pembinaan mengekalkan momentum pertumbuhannya untuk berkembang sebanyak 4.7% pada suku ketiga 2007 (S2: 4.8%), terutamanya disokong oleh pelaksanaan pelbagai projek infrastruktur di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Sektor pertanian meningkat 0.6% (S2: -0.9%) berikutan peningkatan beransur-ansur pengeluaran minyak sawit mentah, selepas mengalami kitaran hasil menurun pada separuh tahun pertama. Prestasi yang menggalakkan juga dicatat oleh aktiviti pertanian kecil seperti sayur-sayuran, ternakan dan koko. Sektor perlombongan berkembang 2.3%

(S2: 7.7%) didorong oleh peningkatan keluaran minyak mentah berikutan medan minyak laut dalam pertama Malaysia di Kikeh, Sabah mula menghasilkan pengeluaran pada pertengahan bulan Ogos 2007. Walau bagaimanapun, pengeluaran gas asli menurun sedikit disebabkan permintaan yang lebih rendah dari Korea.

Permintaan dalam negeri bertambah kukuh pada suku ketiga dengan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 12.6% (S2: 10.8%), ekoran aktiviti sektor swasta yang menggalakkan. Perbelanjaan sektor awam yang meningkat terus menyokong pertumbuhan. Perbelanjaan penggunaan swasta mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 14% berikutan peningkatan pendapatan boleh guna yang disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang stabil dan harga komoditi yang teguh. Pelbagai promosi yang diadakan semasa Karnival Jualan Mega di seluruh negara dari pertengahan bulan Jun sehingga awal bulan September menggalakkan perbelanjaan isi rumah yang lebih besar. Pembentukan modal tetap kasar juga meningkat dengan ketara sebanyak 13.5% pada suku ketiga (S2: 6.6%) disebabkan pelaburan oleh sektor swasta dan sektor awam. Penunjuk pelaburan swasta, iaitu kelulusan dan pengeluaran pinjaman kepada sektor perkilangan dan pembinaan telah meningkat dengan kukuh, menandakan perbelanjaan modal yang lebih besar oleh sektor swasta. Sementara itu, perbelanjaan pembangunan yang lebih besar oleh Kerajaan Persekutuan disalurkan kepada aktiviti ekonomi yang memberikan kesan pengganda yang tinggi dalam bentuk projek-projek untuk menaik taraf infrastruktur dan pembinaan infrastruktur bagi menambah baik sistem pengangkutan serta meningkatkan peruntukan bagi perkhidmatan pendidikan dan menambah baik kemudahan awam.

Kadar inflasi, seperti yang ukur oleh perubahan dalam Indeks Harga Pengguna meningkat kepada 1.8% pada suku ketiga 2007 (S2: 1.5%), disebabkan terutamanya kenaikan harga makanan dan minuman.

Dalam sektor luaran, akaun perdagangan mencatat lebihan sebanyak RM28.2 bilion pada suku ketiga (S2: RM22.6 bilion). Eksport kasar menjadi perlahan dan meningkat sedikit, iaitu sebanyak 0.6% (S2: 1.3%), terutama didorong oleh eksport komoditi, manakala eksport barangan perkilangan berkurang. Eksport pertanian terus meningkat, didorong terutamanya oleh eksport minyak sawit yang disebabkan keseluruhannya oleh harga yang berada pada paras tertinggi sebanyak RM2,599 setan. Ini berikutan permintaan global yang semakin meningkat dalam keadaan pengeluaran minyak sawit yang lebih rendah di Malaysia dan Indonesia serta bekalan minyak kacang soya di Amerika Syarikat dan minyak biji sesawi di Eropah yang lebih rendah. Eksport galian juga terus berkembang pada suku itu disebabkan perolehan daripada eksport gas asli cecair (liquefied natural gas, LNG) yang lebih tinggi, yang mendapat manfaat daripada kenaikan harga kepada paras tertinggi sebanyak RM1,226 setan. Sementara itu, eksport perkilangan menurun disebabkan terutamanya kemerosotan eksport keluaran E&E dan industri berasaskan sumber tertentu. Meskipun terdapat peningkatan dalam permintaan terhadap E&E, penurunan harga yang berterusan menjejaskan eksport keluaran E&E pada suku itu.

Pertumbuhan import kasar berterusan pada 1.7%, mencerminkan peningkatan dalam perbelanjaan pelaburan dan pengguna. Import barangan modal (tidak termasuk barangan import besar) meningkat 7.2% berikutan peningkatan kapasiti sektor perkilangan dan penambahbaikan untuk kecekapan penggunaan bahan api mendorong pertumbuhan yang kukuh bagi import jentera, penjana, turbin dan motor elektrik. Import kelengkapan bagi sektor pembinaan dan perlombongan juga lebih tinggi disebabkan aktiviti cari gali industri minyak dan gas yang meningkat. Import barangan penggunaan meningkat 1% pada suku itu (S2: 1.1%) terutamanya disebabkan import makanan dan minuman bagi penggunaan isi rumah yang

lebih tinggi pada musim perayaan. Selaras dengan kelembapan eksport E&E, import barangan pengantara merosot 1% pada suku itu (S2: +6.5%).

Dalam akaun kewangan, aliran masuk bersih pelaburan langsung asing, sebagaimana yang dipantau oleh Sistem Imbangan Pembayaran Tunai Bank Negara Malaysia (tidak termasuk perolehan tertahan dan pelaburan dalam bentuk jentera dan peralatan yang diimport), berjumlah RM6.8 bilion pada suku ketiga (S2: RM13.6 bilion). Sejumlah besar daripada pelaburan disalurkan kepada sektor perkhidmatan, perkilangan dan minyak dan gas. Pelaburan luar negeri mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM6.9 bilion (S2: -RM8.5 bilion). Sementara itu, pelaburan portfolio mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM22.3 bilion (S2: +RM14.3 bilion) disebabkan pencairan bersih ekuiti dan sekuriti hutang oleh pelabur asing pada bulan Julai dan Ogos, berikutan kegawatan dalam pasaran kredit dan gadai janji subprima Amerika Syarikat. Walau bagaimanapun, terdapat aliran masuk semula pada bulan September dan Oktober.

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM335.4 bilion (bersamaan dengan USD98.2 bilion) pada 28 September 2007. Rizab meningkat kepada RM345.3 bilion (bersamaan USD101.2 bilion) pada 15 November 2007. Kedudukan rizab ini memadai untuk membiayai 8.9 bulan import tertangguh dan ialah 7.4 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Dasar monetari terus menyokong aktiviti ekonomi

Kadar dasar semalaman (overnight policy rate, OPR) dikekalkan pada 3.50% sepanjang suku ketiga 2007 kerana paras semasa kadar dasar itu selaras dengan prospek jangka sederhana inflasi yang secara relatif rendah dan pertumbuhan ekonomi yang mampan.

Kadar antara bank bagi kesemua tempoh matang secara relatif terus stabil pada suku itu, mencerminkan OPR yang tidak berubah. Dari segi kadar pinjaman, kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata terus tidak berubah pada suku itu, manakala kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) lebih rendah dengan ketara pada akhir bulan September, mencerminkan terutamanya pengeluaran pinjaman penghubung bersindiket yang kadar pinjamannya adalah lebih rendah. Kadar deposit secara relatif tidak berubah.

Pembiayaan sektor swasta adalah lebih tinggi pada suku ketiga, dengan pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) terkumpul berkembang pada kadar tahunan yang lebih tinggi sebanyak 8.9% pada akhir suku ketiga 2007. Pinjaman terkumpul sistem perbankan meningkat pada kadar tahunan sebanyak 9.5% pada akhir suku ketiga, dengan pinjaman terkumpul kepada sektor perniagaan dan sektor isi rumah masing-masing berkembang pada kadar tahunan sebanyak 14.8% dan 7.3%. Permohonan, kelulusan dan pengeluaran pinjaman pada asas tahunan juga lebih tinggi bagi sektor perniagaan dan sektor isi rumah.

M3 atau wang secara luas meningkat pada kadar tahunan sebanyak 12.3% pada akhir suku ketiga (S2: 12.6%). Peningkatan M3 didorong terutamanya oleh tuntutan terhadap sektor swasta yang lebih tinggi, ekoran pertambahan kredit bank dan pegangan sekuriti hutang swasta oleh sistem perbankan.

Dana bersih yang diperoleh sektor awam dan sektor swasta dalam pasaran modal berjumlah RM12 bilion. Perolehan ini lebih rendah berbanding dengan RM22 bilion yang diperoleh pada suku sebelumnya disebabkan satu terbitan PDS yang besar pada suku sebelumnya untuk aktiviti penyatuan dan pengambilalihan. Dana bersih yang peroleh sektor awam berjumlah RM13.4 bilion manakala dana bersih yang diperoleh sektor swasta melalui pasaran PDS, tidak termasuk Cagamas, berjumlah RM0.6 bilion. Sementara itu, jumlah dana

sebanyak RM383 juta diperoleh melalui pasaran ekuiti pada suku itu (S2: RM512 juta).

Dalam keadaan kegawatan pasaran kewangan utama ekoran daripada perubahan sentimen pelabur berkaitan kerugian gadai janji subprima AS, kebanyakan mata wang termasuk ringgit, mengalami turun naik lebih nyata pada suku itu. Pada permulaan bulan Julai, ringgit terus menambah nilai berikutan aliran masuk pelaburan dan perdagangan. Walau bagaimanapun, sejak 25 Julai, ringgit menyusut nilai berbanding dengan mata wang utama ekoran tindakan pelabur global untuk keluar daripada hutang dan ekuiti disebabkan kegawatan pasaran kewangan antarabangsa pada tempoh ini. Mata wang serantau turut terjejas dengan penilaian semula risiko berkaitan aset pasaran negara-negara sedang pesat membangun oleh pelabur global. Walau bagaimanapun, kebalikan trend ini dalam ringgit dan mata wang serantau lain berlaku setelah Jawatankuasa Pasaran Terbuka Persekutuan (Federal Open Market Committee, FOMC) AS mula-mula mengurangkan kadar diskaun pada 17 Ogos, dan selanjutnya mengurangkan kadar Fed Funds dan kadar diskaun masing-masing sebanyak 50 mata asas pada 18 September. Pengurangan kadar faedah dan jangkaan pasaran bahawa FOMC akan mengurangkan kadar faedah selanjutnya mengembalikan semula sedikit keyakinan pelabur. Pada suku ketiga keseluruhannya, ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS sebanyak 1.1%. Bagi tempoh 1 Oktober – 27 November, ringgit mencatat prestasi bercampur-campur berbanding dengan mata wang utama dan serantau.

Sektor perbankan terus menunjukkan daya tahan yang tinggi

Sistem perbankan terus menunjukkan daya tahan yang tinggi pada suku ketiga 2007, disokong oleh permodalan yang kukuh, keberuntungan yang stabil dan peningkatan selanjutnya dalam kualiti pinjaman. Nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) berterusan pada 13.1% sepanjang suku itu manakala keuntungan sebelum cukai kekal kukuh pada RM4.28 bilion (S2: RM4.32 bilion). Paras pinjaman tak berbayar (non-performing loans, NPL) terus bertambah baik dengan jumlah NPL bersih berdasarkan klasifikasi 3 bulan menurun 8.6% kepada RM21.9 bilion pada akhir suku ketiga (S2: RM24 bilion). Ini terutamanya ekoran kutipan balik pinjaman dan pengelasan semula NPL kepada status berbayar serta hapus kira yang berterusan. Hasilnya, nisbah NPL bersih terus menurun kepada 3.5% daripada jumlah pinjaman bersih (S2: 4.1%).

Momentum pertumbuhan dijangka berterusan dalam tempoh terdekat

Meskipun risiko kelembapan yang ketara dalam ekonomi AS meningkat, ketidakpastian dalam keadaan pasaran kewangan global lebih nyata dan harga minyak tinggi, prospek pertumbuhan terus disokong oleh kekukuhan yang berterusan dalam ekonomi sedang pesat membangun khususnya di rantau Asia. Prospek pertumbuhan bagi ekonomi sedang pesat membangun yang besar termasuk RR China, India, Brazil dan Rusia terus memberangsangkan. Dalam ekonomi Malaysia pula, penunjuk masa hadapan menunjukkan tanda-tanda permintaan dalam negeri yang terus kukuh dalam tempoh terdekat. Kadar pertumbuhan enam bulan terlicin (six-month smoothed growth) indeks pelopor Jabatan Perangkaan Malaysia terkini adalah 7.4% pada bulan Ogos. Pengguna terus optimistik mengenai prospek pendapatan dan peluang pekerjaan seperti ditunjukkan oleh Indeks Sentimen Pengguna Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (Malaysian Institute of Economic Research, MIER) yang meningkat kepada 117.5 mata pada suku ketiga 2007 (S2: 115.9 mata). Indeks Keadaan Perniagaan kekal tinggi pada 117.5 mata, mencerminkan keyakinan sektor korporat yang berterusan berikutan aktiviti perniagaan asas yang terus berkembang dengan pelaksanaan lebih banyak projek Rancangan Malaysia Kesembilan. Secara keseluruhan, dengan permintaan dalam negeri kukuh, potensi untuk ekonomi Malaysia terus meningkat pada kadar yang mapan, berterusan.

PERKEMBANGAN PADA SUKU KETIGA 2007

KEADAAN EKONOMI ANTARABANGSA

Pertumbuhan ekonomi dalam kebanyakan rantau utama berterusan meskipun aktiviti berkaitan sektor perumahan di AS sederhana

Pertumbuhan ekonomi global berterusan pada kadar yang secara relatif kukuh pada suku ketiga 2007. Meskipun aktiviti berkaitan perumahan terus merosot, anggaran awal menunjukkan ekonomi **Amerika Syarikat (AS)** berkembang pada kadar tahunan sebanyak 4.9%. Perbelanjaan pengguna mengembang 2.7% (S2:1.4%) dengan adanya peluang pekerjaan yang menyokong peningkatan pendapatan. Pertumbuhan juga disokong oleh sektor perdagangan (menyumbang 1.4 mata peratusan kepada pertumbuhan KDNK) dan pelaburan bukan sektor perumahan.

Di **Jepun**, ekonomi tumbuh pada kadar tahunan sebanyak 2.6%, disokong terutamanya oleh prestasi eksport yang kukuh pada suku ketiga. Pelaburan perniagaan meningkat semula, setelah menguncup pada suku kedua, disebabkan pembelian jentera perindustrian am yang lebih banyak oleh syarikat-syarikat. Walau bagaimanapun, pelaburan kediaman swasta merosot 7.8% pada suku ketiga, iaitu penurunan bagi suku ketiga berturut-turut pada tahun 2007. Ini disebabkan oleh peraturan berhubung pembinaan yang lebih ketat. Keadaan cuaca yang menggalakkan menyokong peningkatan perbelanjaan penggunaan.

Di **kawasan euro,** KDNK benar berkembang 2.6% pada suku ketiga, disokong oleh pelaburan perniagaan yang lebih kukuh dan juga perbelanjaan pengguna. Jerman, Perancis dan Itali turut mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi pada suku ketiga. Sementara itu di **United Kingdom**, ekonominya kekal berdaya tahan dan berkembang 3.2% pada suku ketiga. Pertumbuhan ini mendapat manfaat daripada kekukuhan aktiviti sektor perkhidmatan yang berkembang 4%. Sepertimana suku-suku terdahulu, pengembangan yang kukuh adalah khususnya dalam sektor perkhidmatan perniagaan dan kewangan. Walau bagaimanapun, keluaran perindustrian menjadi perlahan disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan keluaran sektor perkilangan yang lemah.

Negara Perindustrian: Pertumbuhan KDNK Benar

	2006		2007			Faktor penyumbang utama pertumbuhan S3
	S3	S4	S1	S2	S3	
	Perubahan tahunan (%)					
AS[1]	1.1	2.1	0.6	3.8[3]	4.9[2]	Pertumbuhan didorong oleh eksport bersih, dan pelaburan bukan sektor perumahan yang lebih tinggi.
UK	3.0	3.2	3.1	3.1[3]	3.2[3]	Disokong oleh sektor perkhidmatan terutamanya dalam perkhidmatan perniagaan dan kewangan.
Kawasan euro	2.9	3.3	3.2	2.5	2.6[4]	Disokong oleh pertumbuhan yang lebih kukuh dalam pelaburan perniagaan dan perbelanjaan pengguna.
Jepun[1]	-0.2	5.5	2.6	-1.6[3]	2.6[4]	Disokong oleh peningkatan pelaburan, perbelanjaan pengguna yang menggalakkan dan prestasi eksport yang kukuh.

[1] Berasaskan kadar tahunan *(annualised)*
[2] Anggaran awal
[3] Disemak
[4] Awalan

Sumber: Pihak berkuasa negara

Di AS, **Jawatankuasa Pasaran Terbuka Persekutuan** mengurangkan kadar faedah sebanyak 50 mata asas pada mesyuaratnya pada 18 September, dan 25 mata asas lagi pada mesyuaratnya pada 31 Oktober. Pengurangan kadar faedah in adalah untuk mengekang kesan risiko gangguan pasaran kewangan terhadap keseluruhan ekonomi.

European Central Bank **(ECB)** mengekalkan kadar dasarnya pada suku ketiga. Langkah ini diambil bagi menilai impak kegawatan kredit baru-baru ini terhadap

ekonomi. Walau bagaimanapun, risiko inflasi jangka sederhana yang berpunca daripada peningkatan kekangan kapasiti, pengetatan pasaran pekerja, pertumbuhan kukuh bekalan wang, dan kenaikan harga minyak dan makanan terus menjadi pertimbangan utama ECB. **Bank of England** turut mengekalkan kadar dasarnya pada 5.75% pada mesyuarat pada bulan November meskipun terdapat kebimbangan terhadap masalah pasaran kredit baru-baru ini memandangkan data pertumbuhan suku ketiga terus kukuh. **Bank of Japan** juga mengekalkan kadar faedahnya pada 0.5% pada 31 Oktober, dikekang oleh perkembangan keadaan harga baru-baru ini. Data terbaharu menunjukkan inflasi teras, tidak termasuk makanan segar, terus menurun pada bulan September, yang merupakan penurunan bagi bulan kelapan berturut-turut.

Negara Serantau: Pertumbuhan KDNK Benar

	2006		2007			Faktor penyumbang utama pertumbuhan S3
	S3	S4	S1	S2	S3	
	Perubahan tahunan (%)					
RR China	10.6	10.4	11.1	11.9	11.5	Didorong oleh eksport dan pelaburan.
Singapura	7.0	6.6	6.5	8.7	8.9	Disokong oleh pertumbuhan dalam sektor perkilangan, pembinaan dan perkhidmatan kewangan.
Indonesia	5.9	6.1	6.0	6.3	6.5	Disebabkan pelaburan dan eksport yang kukuh
Hong Kong SAR	6.4	6.9	5.6	6.6	6.2	Disokong oleh eksport dan penggunaan swasta.
Korea	4.8	4.0	4.0	5.0	5.2	Disokong oleh sektor perkilangan dan perkhidmatan.

Sumber: Pihak berkuasa negara

Pada suku ketiga, **harga minyak mentah** global mencatat paras yang tinggi iaitu USD83.32 setong pada 20 September didorong oleh laporan Jabatan Tenaga AS yang menunjukkan pengurangan inventori minyak yang tidak dijangka di AS dan kebimbangan terhadap cuaca buruk. Harga minyak mentah terus meningkat melebihi USD90 setong pada akhir bulan Oktober 2007 dan mencecah paras tertinggi baharu pada USD98.03 setong pada 20 November 2007. Kenaikan ini disebabkan kebimbangan terhadap musim sejuk yang bakal tiba di Hemisfera Utara dan penurunan berterusan dalam inventori dalam beberapa minggu kebelakangan ini.

Di rantau **Asia**, aktiviti ekonomi terus kukuh meskipun terdapat ketidakpastian yang semakin ketara berhubung dengan ekonomi AS dan kegawatan pasaran hutang global. Pertumbuhan disokong oleh permintaan domestik yang mampan dan pemulihan beransur-ansur dalam eksport E&E. Eksport E&E serantau yang sederhana pada separuh pertama tahun ini telah mula pulih sebagaimana dicerminkan oleh jualan separa konduktor global yang bertambah baik sejak bulan Julai dan penurunan inventori pada suku ketiga.

Kebanyakan ekonomi serantau mengalami tekanan inflasi yang lebih tinggi, terutamanya disebabkan kenaikan harga makanan. Republik Rakyat China (RR China) dan Korea menaikkan kadar faedah bagi membendung inflasi. Walau bagaimanapun, penyederhanaan tekanan inflasi di Indonesia, Thailand dan Filipina telah mendorong pengurangan dalam kadar faedah untuk merangsang permintaan dalam negeri.

Dalam **pasaran pertukaran wang asing**, dolar AS mengakhiri suku ketiga dengan lebih lemah berbanding dengan mata wang utama. Prestasi dolar AS terjejas terutamanya akibat kebimbangan terhadap kekukuhan ekonomi AS dan juga perbezaan kadar faedah. Pada bulan November, paun sterling mencapai nilai tertingginya dalam tempoh 26 tahun berbanding dengan dolar AS (USD2.1074) pada 8 November 2007. Sementara itu, dolar AS juga menyusut nilai ke paras terendah berbanding dengan euro dan kumpulan enam mata wang utama disebabkan jangkaan pengurangan kadar faedah oleh Federal Reserve. Mata wang serantau juga menambah nilai berbanding dengan dolar AS disebabkan aliran masuk perdagangan dan portfolio yang terus kukuh.

PERKEMBANGAN EKONOMI MALAYSIA

Ekonomi Malaysia terus kukuh pada suku ketiga 2007 didorong oleh prestasi sektor perkhidmatan yang teguh

Ekonomi Malaysia terus kukuh pada suku ketiga 2007, dengan pertumbuhan KDNK benar meningkat kepada 6.7%, didorong terutamanya oleh aktiviti dalam sektor perkhidmatan yang kukuh. Pertumbuhan diperkukuh oleh aktiviti sektor pembinaan yang berterusan dan sektor pertanian dan perkilangan yang meningkat. Permintaan dalam negeri yang kukuh, pelancongan dan aktiviti perniagaan yang giat memberikan kesan positif terhadap sektor perkhidmatan manakala sektor pembinaan mengekalkan momentum pertumbuhannya yang disokong oleh pelaksanaan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Pertumbuhan sektor pertanian mencerminkan peningkatan pengeluaran minyak sawit mentah, iaitu komoditi utama Malaysia, setelah mengalami kitaran hasil yang menurun, dan juga prestasi kukuh dalam aktiviti pertanian kecil tertentu. Pertumbuhan sektor perkilangan bertambah baik ekoran pemulihan beransur-ansur dalam industri elektronik dan elektrik (E&E), dan diperkukuh lagi oleh pengembangan industri berorientasikan dalam negeri. Sementara itu, sebuah telaga minyak baharu yang mula beroperasi pada suku ketiga telah menyumbang kepada pertumbuhan sektor perlombongan.

KDNK Suku Tahunan Mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi pada Harga Tahun 2000[1]

	2006		2007		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
Pertanian	5.8	5.1	2.2	-0.9	0.6
Perlombongan	0.1	2.1	-0.6	7.7	2.3
Perkilangan	7.2	4.0	2.0	1.5	3.4
Pembinaan	-0.4	0.6	4.0	4.8	4.7
Perkhidmatan	7.2	8.0	9.7	9.4	10.5
KDNK benar (Perubahan Tahunan)	**6.0**	**5.7**	**5.5**	**5.8**	**6.7**
KDNK benar (Perubahan Berbanding dengan Suku Sebelumnya)	**3.9**	**0.5**	**-1.7**	**3.0**	**4.8**

[1] KDNK telah ditukar daripada harga asas 1987 ke harga asas 2000

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor perkhidmatan penggerak utama pertumbuhan

Sektor perkhidmatan mengembang dengan kukuh pada kadar pertumbuhan dua angka sebanyak 10.5% pada suku ketiga 2007. Pertumbuhan diterajui prestasi perkhidmatan pengantara yang memberangsangkan dan pertumbuhan perkhidmatan akhir yang lebih tinggi. Yang penting dua subsektor utama, iaitu kewangan dan insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan, dan perdagangan borong dan runcit, penginapan dan restoran, yang mencakupi lebih separuh daripada sektor perkhidmatan mencatat prestasi yang memberangsangkan pada suku tersebut.

Prestasi Sektor Perkhidmatan (nilai ditambah pada harga tahun 2000)

	Bahagian 2006	2006		2007		
		S3	S4	S1	S2	S3
	%	Perubahan tahunan (%)				
Perkhidmatan Pengantara	**42.8**	**8.9**	**9.5**	**13.4**	**11.9**	**12.5**
Pengangkutan, penyimpanan & komunikasi	14.2	6.6	6.8	5.4	8.6	10.2
Pengangkutan & Penyimpanan	*7.0*	*5.7*	*6.7*	*5.5*	*9.3*	*13.4*
Komunikasi	*7.2*	*7.5*	*6.8*	*5.3*	*8.0*	*7.1*
Kewangan, insurans, harta tanah & perkhidmatan perniagaan	28.6	10.0	10.8	17.6	13.6	13.7
Kewangan & Insurans	*19.8*	*9.1*	*8.8*	*13.2*	*11.0*	*8.8*
Harta tanah & Perkhidmatan Perniagaan	*8.8*	*12.0*	*15.6*	*27.3*	*19.5*	*24.4*
Perkhidmatan Akhir	**57.2**	**6.0**	**7.0**	**6.8**	**7.5**	**9.1**
Elektrik, gas & air	5.9	5.3	6.2	4.3	4.5	2.9
Perniagaan borong & runcit, penginapan dan restoran	26.6	6.1	6.4	8.9	11.6	14.4
Perniagaan Borong & Runcit	*22.3*	*6.1*	*6.0*	*9.1*	*11.9*	*14.9*
Penginapan & Restoran	*4.2*	*5.7*	*9.1*	*8.1*	*10.3*	*11.6*
Perkhidmatan Kerajaan	13.6	7.9	10.6	6.0	2.8	3.8
Perkhidmatan lain	11.1	4.2	4.5	4.2	5.4	6.0
Jumlah Perkhidmatan	**100.0**	**7.2**	**8.0**	**9.7**	**9.4**	**10.5**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penunjuk Suku Tahunan Terpilih Sektor Perkhidmatan

	2006		2007		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Peratusan pada akhir tempoh (%)				
Kadar penembusan telefon bimbit	81.6	72.3	77.0	78.2	80.8
Kadar penembusan pelanggan internet	14.0	14.0	14.0	14.2	14.3
Kadar penembusan pelanggan jalur lebar	2.8	3.3	3.7	4.1	4.5
	Indeks				
Indeks Sentimen Pengguna MIER	107.5	110.9	124.1	115.9	117.5
Indeks Perdagangan Runcit MIER	95.0	99.2	118.8	129.5	145.9
Indeks Pasaran Pelancongan MIER	129.2	127.2	133.8	131.6	131.1
	Perubahan tahunan (%)				
Jumlah kredit penggunaan terkumpul	18.0	14.9	12.8	7.1	6.9
Pinjaman terkumpul kepada perdagangan borong & runcit, restoran & hotel	10.9	12.0	10.1	0.0	6.2
Import barangan penggunaan	14.7	12.1	8.9	1.1	1.0
Jumlah jualan kenderaan bermotor	-9.0	-24.8	-15.5	-7.2	2.2
Kargo laut yang dikendali (Pelabuhan Klang dan PTP)	15.9	18.7	18.5	12.2	9.7

[a] Awalan

Sumber: Pelbagai Sumber

Segmen **kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan** mencatat pertumbuhan secara meluas. Segmen kewangan terus disokong oleh aktiviti pengantaraan perbankan dan sumbangan yang meningkat daripada aktiviti berasaskan fi yang baharu seperti penghantaran wang, dana unit amanah, khidmat nasihat dan perkhidmatan pengurusan kekayaan. Pertumbuhan segmen ini turut disokong oleh pengembangan pesat dalam kewangan Islam pada suku tersebut. Minat orang asing dan pemastautin dalam pasaran harta tanah menyumbang kepada peningkatan dalam aktiviti harta tanah, manakala segmen perkhidmatan perniagaan disokong oleh urus niaga yang kukuh dalam pasaran modal dan sumbangan daripada bidang-bidang pertumbuhan baharu seperti perkhidmatan teknologi maklumat (information technology, IT) dan perkhidmatan profesional. Pada akhir bulan September 2007, sebanyak 1,922 syarikat berkaitan IT diberikan status Koridor Raya Multimedia (akhir tahun 2006: 1,728 syarikat).

Perbelanjaan pengguna dalam negeri yang berterusan kukuh dan peningkatan dalam ketibaan pelancong pada cuti musim panas, menyokong pertumbuhan subsektor **perdagangan borong dan runcit, penginapan dan restoran**. Prestasi yang memberangsangkan ini dicerminkan oleh penunjuk seperti kredit penggunaan, jualan kenderaan bermotor baharu dan ketibaan pelancong. Pendapatan boleh guna kakitangan awam yang meningkat berikutan semakan gaji dan juga Karnival Jualan Mega menyokong perbelanjaan yang lebih tinggi terhadap barangan pengguna tahan lama.

Subsektor **pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi** juga mencatat pertumbuhan dua angka pada suku ketiga, diterajui oleh perolehan yang bertambah dalam segmen pengangkutan laut disebabkan aktiviti dalam sektor minyak dan gas yang lebih giat. Sementara itu, peningkatan dalam jumlah pelanggan dan penggunaan perkhidmatan mudah alih yang lebih tinggi susulan harga yang kompetitif dalam kalangan pembekal perkhidmatan telekomunikasi telah menyokong industri telekomunikasi.

Aktiviti sektor perkilangan meningkat

Nilai ditambah **sektor perkilangan** meningkat, mencerminkan pemulihan beransur-ansur dalam sektor elektronik dan elektrik dan pengembangan seterusnya dalam industri berorientasikan dalam negeri.

Pengeluaran **industri berorientasikan eksport** berkembang 1.4% pada suku ketiga (S2: -1.6%). Pertumbuhan disokong oleh pemulihan dalam sektor elektronik dan elektrik (2.2%; S2: -5.8%) ekoran peningkatan pengeluaran separa konduktor (5.1%; S2: -0.4%), terutamanya untuk memenuhi permintaan dari pasaran bukan AS, iaitu RR China dan Kesatuan Eropah. Selain itu, segmen komputer dan komponen yang berkait rapat dengan perkembangan dalam pasaran AS menunjukkan prestasi yang bertambah baik pada suku ketiga (0.2%; S1: -16.6%). Industri kimia dan keluaran kimia mencatat pertumbuhan yang

kecil disebabkan penyenggaraan loji industri gas perindustrian dan permintaan luaran yang semakin lemah terhadap keluaran plastik.

Pengeluaran **industri berorientasikan dalam negeri** terus meningkat (4.6%; S2: 8.6%), disokong terutamanya oleh keluaran besi dan keluli, keluaran konkrit dan simen, dan keluaran logam yang direka memandangkan industri-industri ini terus mendapat manfaat daripada aktiviti pembinaan dalam negeri yang bertambah giat. Sementara itu, industri kelengkapan pengangkutan pulih semula setelah mengalami kemerosotan bagi empat suku berturut-turut. Pemulihan ini adalah hasil daripada peningkatan jualan kenderaan bermotor baharu berikutan pelancaran model-model baharu.

Penggunaan kapasiti keseluruhan dalam sektor perkilangan tidak berubah pada 75% pada suku ketiga 2007, dengan industri berorientasikan eksport dan industri berorientasikan dalam negeri masing-masing beroperasi pada 76% dan 72% (S2: masing-masing 76% dan 71%).

Penggunaan Kapasti dalam Sektor Perkilangan *



* Mulai tahun 2004, penggunaan kapasiti dalam sektor perkilangan telah diasaskan semula daripada nilai tambah tahun 2000 kepada nilai tambah tahun 2004

Prestasi Sektor Perkilangan

	2006		2007		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
Nilai Ditambah (pada harga tahun 2000)	**7.2**	**4.0**	**2.0**	**1.5**	**3.4**
Pengeluaran Keseluruhan	**7.1**	**5.3**	**0.7**	**0.4**	**2.0**
Industri berorientasikan eksport	**5.9**	**4.3**	**-0.2**	**-1.6**	**1.4**
Antaranya:					
Elektronik dan barangan elektrik	5.1	1.9	-5.5	-5.8	2.2
Elektronik	8.8	4.5	-4.0	-4.0	4.1
Barangan elektrik	-5.5	-5.5	-10.3	-11.1	-4.0
Bahan kimia dan keluaran kimia	-1.8	-0.6	7.3	1.3	0.6
Keluaran petroleum[1]	18.1	12.8	5.0	11.3	1.9
Tekstil, pakaian dan kasut	-0.8	1.5	-10.4	-11.2	-5.8
Kayu dan keluaran kayu[2]	4.2	9.7	1.6	4.1	0.5
Keluaran getah	13.5	15.2	16.9	2.7	3.7
Pemprosesan luar estet	9.7	9.6	-1.3	-12.7	-0.3
Industri berorientasikan pasaran dalam negeri	**12.2**	**9.9**	**4.8**	**8.6**	**4.6**
Antaranya:					
Keluaran galian bukan logam	8.1	9.2	-2.0	10.9	-0.2
Besi & keluli dan logam bukan ferum	7.9	20.5	12.9	17.6	13.9
Makanan	14.4	9.7	16.2	7.6	0.6
Kelengkapan pengangkutan	-2.6	-14.0	-21.9	-12.8	0.1
Keluaran logam yang direka	36.1	30.1	21.9	22.0	14.2
Jumlah Eksport Perkilangan	**14.2**	**5.7**	**1.4**	**-1.1**	**-2.1**
Antaranya:					
Keluaran elektronik dan elektrik	10.3	1.7	-2.0	-6.7	-5.7
Bahan kimia dan keluaran kimia	22.0	17.6	33.8	13.5	3.1
Keluaran petroleum	32.0	2.5	-24.5	5.8	-5.9
Keluaran kayu	34.3	26.8	15.3	8.2	-17.8
Barangan perabot	10.5	7.6	7.9	14.3	1.0
Keluaran getah	48.5	30.8	31.0	6.0	1.0

[1] Dalam Indeks Pengeluaran Perindustrian (2000=100) yang baru, LNG telah diklasifikasikan semula sebagai keluaran petroleum (sebelum ini diklasifikasikan sebagai bahan kimia dan keluaran kimia). Dengan itu, keluaran petroleum diklasifikasikan semula sebagai industri berorientasikan eksport
[2] Pengeluaran barangan perabot tidak termasuk dalam data pengeluaran kayu

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Sumbangan positif daripada sektor komoditi

Dalam **sektor komoditi utama**, sektor pertanian dan sektor perlombongan mencatat pertumbuhan positif pada suku ketiga. Sektor pertanian berkembang 0.6% (S2: -0.9%) berikutan peningkatan beransur-ansur dalam pengeluaran minyak sawit mentah dan prestasi menggalakkan dalam aktiviti subsektor pertanian kecil. Pertumbuhan sektor perlombongan sebanyak 2.3% pula didorong oleh peningkatan keluaran minyak mentah.

Dalam **sektor pertanian**, pengeluaran **minyak sawit mentah** merosot sedikit, iaitu sebanyak 0.1% (S2: -13.3%) kepada 4.52 juta tan pada suku ketiga 2007. Peningkatan ini disebabkan hasil yang lebih tinggi di Sabah, negeri pengeluar terbesar, dengan hasil tandan buah segar meningkat 2.5% dan kadar perahan minyak naik 5.9% kepada 21.39% (purata kebangsaan: 20.2%). Pada masa yang sama, aktiviti pertanian kecil seperti **sayur-sayuran, ternakan** dan **koko** menunjukkan prestasi yang lebih baik. Keluaran **getah** pula merosot pada suku tersebut kerana aktiviti menoreh di negeri-negeri di utara Semenanjung Malaysia terjejas akibat hujan.

Pertumbuhan dalam **sektor perlombongan** didorong oleh peningkatan pengeluaran minyak mentah sebanyak 4.9% kepada 695,555 tong sehari. Yang penting, pengeluaran minyak mentah di Sabah meningkat 15.1% berikutan bermulanya pengeluaran telaga minyak laut dalam Malaysia yang pertama di Kikeh pada pertengahan bulan Ogos 2007. Sementara itu, pengeluaran **gas asli** merosot sedikit, iaitu sebanyak 0.8% berikutan permintaan yang berkurang dari Korea, pengimport kedua terbesar LNG Malaysia.

Prestasi Sektor Pertanian

	2006		2007		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
Nilai Ditambah (pada harga tahun 2000)	**5.8**	**5.1**	**2.2**	**-0.9**	**0.6**
Tanaman Industri	-1.8	4.2	-0.1	-5.0	-1.8
Tanaman Makanan	4.4	6.4	5.5	5.8	4.4
Pengeluaran[1]					
Antaranya:					
Minyak sawit mentah	10.6	10.7	-1.4	-13.3	-0.1
Minyak isirong sawit mentah	11.5	14.7	3.3	-13.9	-6.7
Getah	9.4	11.2	-6.9	1.4	-10.3
Biji koko	17.8	-19.9	9.4	-10.5	21.8
Ikan	7.2	10.0	5.2	2.0	4.0
Eksport (RM juta)	**19.7**	**22.1**	**7.7**	**17.9**	**28.2**
Antaranya:					
Minyak sawit					
('000 tan)	11.4	20.9	-11.8	-6.7	-6.0
(RM/tan)	11.0	14.7	34.0	49.4	63.1
(RM juta)	23.7	38.6	18.2	39.5	53.4
Minyak isirong sawit					
('000 tan)	36.2	15.4	40.9	14.3	7.5
(RM/tan)	-15.8	-9.9	-3.9	22.3	63.4
(RM juta)	14.7	3.9	35.4	39.8	75.6
Getah					
('000 tan)	-4.1	1.4	-12.3	-19.6	-1.8
(Sen/kilogram)	59.5	11.1	-0.7	2.0	-12.4
(RM juta)	53.0	12.7	-12.9	-18.0	-14.0
Kayu siap digergaji					
('000 meter padu)	-8.0	5.2	-2.1	-6.0	-11.4
(RM/meter padu)	17.9	4.1	9.7	4.5	-1.0
(RM juta)	8.4	9.5	7.4	-1.8	-12.3
Kayu balak					
('000 meter padu)	-21.7	-3.2	-8.3	-2.5	12.3
(RM/meter padu)	7.7	7.2	-2.5	-0.9	-4.3
(RM juta)	-15.6	3.8	-10.5	-3.4	7.4
Biji koko					
('000 tan)	321.3	-8.2	-13.5	42.1	15.7
(RM/tan)	4.4	10.1	4.8	10.5	29.7
(RM juta)	339.9	1.1	-9.3	57.0	50.0

[1] Dalam '000 tan

Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)
Lembaga Getah Malaysia (LGM)
Lembaga Koko Malaysia (MCB)
Jabatan Perangkaan Malaysia
Jabatan Perikanan Malaysia

Prestasi Sektor Perlombongan

	2006		2007		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
Nilai Ditambah (pada harga tahun 2000)	**0.1**	**2.1**	**-0.6**	**7.7**	**2.3**
Pengeluaran					
Antaranya:					
Minyak mentah dan kondensat ('000 tong)	-7.5	-6.5	-1.9	-7.6	4.4
Gas asli (bersih) (juta kaki padu standard)	3.5	4.4	1.1	8.0	-0.8
Eksport (RM juta)	**3.2**	**0.5**	**-5.3**	**7.5**	**7.7**
Antaranya:					
Minyak mentah dan kondensat					
('000 tan)	-11.1	-8.1	3.2	-3.1	1.7
(USD/tong)	16.7	4.2	-5.6	3.1	3.5
(RM juta)	1.0	-8.0	-8.6	-6.1	-0.7
Gas asli cecair					
('000 tan)	1.8	1.8	4.5	21.0	1.6
(RM/tan)	13.0	8.7	-0.2	6.4	10.0
(RM juta)	15.0	10.7	4.3	28.8	11.8

Sumber: PETRONAS
Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor pembinaan mengekalkan momentum pertumbuhan yang tinggi

Sektor pembinaan meneruskan momentum pertumbuhannya dan berkembang sebanyak 4.7% pada suku ketiga 2007 (S2: 4.8%). Pengembangan ini disokong terutamanya oleh pelaksanaan pelbagai projek infrastruktur dalam subsektor **kejuruteraan awam** di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Pertumbuhan juga disokong oleh segmen **harta bukan kediaman** dengan pembinaan bangunan pejabat dan ruang runcit baharu, khususnya di Lembah Kelang. Sementara itu, segmen **harta kediaman** disokong terutamanya oleh permintaan terhadap rumah kediaman dalam segmen mewah.

Penunjuk Pembinaan

	2006		2007		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
Permit jualan dan iklan baru	-21.7	-2.7	7.7	-6.3	10.6
Kelulusan perumahan	-12.6	-20.0	-9.6	-24.8	-4.7
Pengeluaran bahan berkaitan pembinaan	8.0	12.8	2.8	13.1	4.4
Kelulusan pinjaman untuk pembinaan	7.3	73.2	91.3	103.8	38.8
Import bahan pembinaan dan bahan galian	38.3	-8.2	12.6	8.4	-6.0[1]

[1] Julai-Ogos 2007

Sumber: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Permintaan dalam negeri terus kukuh

Permintaan dalam negeri terus kukuh dan berkembang pada kadar tahunan sebanyak 12.6% pada suku ketiga (S2: 10.8%), didorong terutamanya oleh aktiviti sektor swasta. Sementara itu, sektor awam terus memberikan sokongan kepada pertumbuhan dengan Kerajaan Persekutuan menambah perbelanjaan pembangunannya.

Perbelanjaan **penggunaan swasta** mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 14% berikutan kenaikan pendapatan boleh guna hasil sokongan keadaan pasaran pekerja yang stabil dan harga komoditi yang teguh. Karnival Jualan Mega tahunan di seluruh negara mulai pertengahan bulan Jun hingga awal bulan September turut menggalakkan perbelanjaan isi rumah yang lebih tinggi. Penunjuk penggunaan utama seperti jualan kereta penumpang, perbelanjaan pengguna menggunakan kad kredit dan pinjaman yang dikeluarkan untuk tujuan penggunaan, terus berada pada trend pertumbuhan positif, mencerminkan aktiviti penggunaan swasta yang terus berkembang. Indeks Sentimen Pengguna Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (Malaysian Institute of Economic Research, MIER) yang meningkat kepada 117.5 mata pada suku ketiga 2007 (S2:115.9 mata) menyarankan bahawa isi rumah adalah optimistik tentang prospek pendapatan dan pekerjaan.

Sementara itu, **penggunaan awam** meningkat 5.3% pada suku ketiga (S2: 10.2%) disebabkan perbelanjaan yang lebih tinggi terhadap emolumen, pertahanan dan bekalan dan perkhidmatan.

Pembentukan modal tetap kasar meningkat dengan kukuh sebanyak 13.5% pada suku ketiga (S2: 6.6%) menandakan aktiviti pelaburan yang giat oleh sektor

KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar tahun 2000)

	2006		2007		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
Permintaan Dalam Negeri Agregat (tidak termasuk stok)	6.4	7.1	8.7	10.8	12.6
Penggunaan	7.6	6.2	8.3	12.6	12.2
Sektor swasta	*7.0*	*7.0*	*8.6*	*13.1*	*14.0*
Sektor awam	*9.9*	*4.1*	*7.1*	*10.2*	*5.3*
Pembentukan Modal Tetap Kasar	3.5	9.8	9.9	6.6	13.5
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	11.9	5.2	1.9	3.0	1.2
Import Barangan dan Perkhidmatan	8.7	5.0	3.5	1.4	1.2
KDNK	**6.0**	**5.7**	**5.5**	**5.8**	**6.7**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sentimen Pengguna Meningkat, Sementara Keyakinan Perniagaan Kekal Mapan



swasta dan sektor awam. Indeks Keadaan Perniagaan (Business Conditions Index, BCI) yang dikumpul oleh MIER kekal di atas paras 100 mata sejak awal tahun 2005. Bacaan BCI yang menggalakkan ini mencerminkan keyakinan sektor korporat yang berterusan memandangkan aktiviti perniagaan terus mengembang dengan pelaksanaan lebih banyak projek Rancangan Malaysia Kesembilan. Perbelanjaan modal terutamanya adalah untuk jentera dan kelengkapan. Penunjuk pelaburan swasta, iaitu pinjaman yang diluluskan dan dikeluarkan kepada sektor perkilangan dan pembinaan, menunjukkan trend yang meningkat, lantaran menyarankan momentum perbelanjaan modal sektor swasta yang semakin kukuh.

Aktiviti pelaburan oleh sektor awam pada suku ketiga terus disokong oleh Kerajaan Persekutuan seperti dilihat melalui pengeluaran yang lebih tinggi untuk perbelanjaan pembangunan. Perbelanjaan modal yang besar telah disalurkan kepada aktiviti ekonomi yang memberikan kesan pengganda yang tinggi dalam bentuk projek-projek untuk menaik taraf infrastruktur dan pembinaan infrastruktur bagi menambah baik sistem pengangkutan, aktiviti berkaitan pembinaan serta meningkatkan peruntukan bagi perkhidmatan pendidikan dan menambah baik kemudahan awam.

Inflasi berpurata pada 1.8%

Inflasi IHP purata meningkat kepada 1.8% pada suku ketiga (S2: 1.5%). Peningkatan harga pengguna pada suku itu telah didorong oleh kenaikan harga dalam kategori makanan dan minuman bukan beralkohol, dan sebahagian kecilnya, dalam kategori minuman beralkohol dan tembakau dan restoran dan hotel. Inflasi harga makanan dalam negeri lebih tinggi pada 2.7% pada suku ketiga (S2: 2.6%), mencerminkan kenaikan harga sayur-sayuran dan daging dan makanan di luar rumah. Sementara itu, sektor minuman beralkohol dan tembakau menyumbang kepada inflasi IHP yang lebih tinggi disebabkan peningkatan dalam cukai eksais ke atas rokok oleh Kerajaan. Harga dalam sektor restoran dan hotel juga meningkat kerana kenaikan harga hidangan ringan. Sementara itu,

Sumbangan kepada Inflasi



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia. Bermula 2006, tahun asas bagi IHP adalah 2005 = 100

jumlah ketibaan pelancong yang tinggi sempena Tahun Melawat Malaysia 2007, menghasilkan kadar penghunian hotel yang lebih tinggi dan menyumbang kepada peningkatan caj bilik hotel.

Inflasi harga pengeluar meningkat pada suku ketiga kepada 3.5% (S2:2.7%) disebabkan kenaikan harga komponen berkaitan komoditi pada kadar purata 10.2% (S2: 7.2%), sejajar dengan harga komoditi global yang lebih tinggi. Inflasi harga bagi sektor bukan berkaitan komoditi pula secara amnya tidak berubah pada 1.1% pada suku ketiga.

Keadaan Pasaran Pekerja



Keadaan pasaran pekerja terus menggalakkan

Pasaran pekerja terus berdaya tahan pada suku ketiga 2007. Jumlah kekosongan jawatan baharu masih tinggi manakala pemberhentian pekerja terus berkurang. Selain itu, indeks Guna Tenaga MIER meningkat 1.9 mata kepada 119.8, menandakan keadaan guna tenaga yang bertambah baik berbanding dengan suku sebelumnya.

Jumlah kekosongan jawatan baharu pada suku ketiga seperti yang dilaporkan oleh Bursa Buruh Elektronik (Electronic Labour Exchange, ELX) meningkat kepada 226,036 jawatan (S2: 186,779 jawatan). Jumlah kekosongan dilaporkan terutamanya dalam sektor perkilangan (bahagian sebanyak 33%), pertanian (32%) dan perkhidmatan (24%). Kebanyakan daripada jawatan yang ditawarkan adalah bagi pekerjaan asas[1] (56%). Sementara itu, peluang pekerjaan buat siswazah meningkat lagi kepada 16,454 jawatan (S2: 13,840 jawatan). Jawatan-jawatan ini terutamanya adalah dalam sektor perkhidmatan (bahagian sebanyak 78%), khususnya segmen kewangan, perkhidmatan pendidikan dan juga segmen perkhidmatan kemasyarakatan, sosial dan peribadi yang lain. Selain itu, jumlah penempatan pekerjaan meningkat pada suku ketiga.

Pemberhentian pekerja pada suku ketiga pula lebih rendah (1,308 orang: S2: 4,202 orang). Kira-kira 50% daripada pekerja yang diberhentikan adalah daripada sektor perkilangan, khususnya pekerja daripada industri E&E, dan makanan, minuman dan tembakau (kesemuanya mencakupi 24% daripada jumlah pemberhentian pekerja), diikuti sektor perkhidmatan (44%). Dalam sektor perkhidmatan, pekerja yang terbabit adalah terutamanya daripada industri perdagangan edaran, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan (29% daripada jumlah pemberhentian pekerja). Permintaan yang berkurang, kos pengeluaran yang tinggi, produk yang tidak dapat dipasarkan dan penggabungan dalam sektor korporat merupakan antara alasan utama pemberhentian pekerja yang dinyatakan oleh majikan.

Produktiviti pekerja dalam sektor perkilangan seperti yang ditunjukkan oleh nilai jualan benar bagi setiap pekerja merosot 3.5% (S2: -1.4%). Kemerosotan dalam produktiviti pekerja disebabkan prestasi jualan yang terus lembap (-0.9%; S2: 2.4%). Walaupun prestasi industri berorientasikan dalam negeri lebih baik (6.6%; S2: 4.8%), prestasi produktiviti keseluruhan sektor perkilangan terjejas akibat

[1] Pekerjaan asas merangkumi pembantu rumah, pengawal keselamatan, tukang cuci, buruh binaan, pemandu dan atendan.

penguncupan seterusnya dalam produktiviti industri berorientasikan eksport (-5.5%; S2: -2.9%). Sementara itu, upah benar bagi keseluruhan sektor ini meningkat 3.8%, menandakan terdapat sedikit tekanan upah dalam sektor ini.

Pengembangan sederhana dalam eksport dan import

Akaun perdagangan mencatat lebihan yang lebih besar sebanyak RM28.2 bilion pada suku ketiga 2007 (S2: RM22.6 bilion), disokong oleh pengembangan yang memberangsangkan dalam eksport pertanian. Eksport berkembang 0.6% (S2: 1.3%) sementara pertumbuhan import berterusan pada 1.7%.

Eksport kasar meningkat sedikit, iaitu sebanyak 0.6% pada suku ketiga (S2: 1.3%) memandangkan pertumbuhan mantap dalam eksport pertanian dan galian telah diimbangi sebahagiannya oleh kemerosotan dalam eksport barangan perkilangan.

Imbangan Perdagangan



Akaun Perdagangan

	2006		2007		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
Eksport Kasar	**13.9**	**6.6**	**1.0**	**1.3**	**0.6**
Perkilangan	*14.2*	*5.7*	*1.4*	*-1.1*	*-2.1*
Pertanian	*19.7*	*22.1*	*7.7*	*17.9*	*28.2*
Galian	*3.2*	*0.5*	*-5.3*	*7.5*	*7.7*
Import Kasar	**11.5**	**6.8**	**5.5**	**1.7**	**1.7**
Barangan modal	*-4.6*	*4.1*	*-5.3*	*-1.1*	*17.3*
Barangan pengantara	*12.0*	*7.1*	*9.0*	*6.5*	*-1.0*
Barangan penggunaan	*14.7*	*12.1*	*8.9*	*1.1*	*1.0*
Imbangan perdagangan (RM bilion)	**29.4**	**30.2**	**21.1**	**22.6**	**28.2**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Malaysia: Destinasi Eksport

	2006		2007			2006		2007			2006		2007		
	S3	S4	S1	S2	S3	S3	S4	S1	S2	S3	S3	S4	S1	S2	S3
	RM bilion					Bahagian drpd. jumlah eksport (%)					Perubahan tahunan (%)				
Amerika Syarikat	**30.1**	**27.8**	**23.7**	**22.8**	**24.5**	**19.2**	**18.3**	**17.2**	**15.8**	**15.5**	**4.2**	**1.0**	**-3.2**	**-18.7**	**-18.7**
Kesatuan Eropah (EU)[1]	**20.2**	**21.1**	**17.7**	**19.4**	**20.2**	**12.8**	**13.9**	**12.8**	**13.4**	**12.8**	**29.9**	**20.5**	**9.7**	**9.6**	**0.2**
Negara ASEAN terpilih[2]	**39.9**	**37.5**	**35.6**	**36.0**	**39.6**	**25.4**	**24.7**	**25.8**	**24.8**	**25.0**	**14.5**	**2.2**	**-4.8**	**-4.8**	**-0.7**
Negara Timur Laut Asia	**29.5**	**28.2**	**27.8**	**28.1**	**30.8**	**18.8**	**18.5**	**20.1**	**19.4**	**19.5**	**20.1**	**4.4**	**10.2**	**7.4**	**4.2**
Republik Rakyat China	*12.7*	*11.7*	*11.2*	*11.7*	*14.4*	*8.1*	*7.7*	*8.1*	*8.1*	*9.1*	*48.9*	*11.9*	*34.6*	*18.0*	*13.6*
Hong Kong SAR	*7.5*	*6.8*	*6.3*	*6.6*	*7.3*	*4.8*	*4.5*	*4.6*	*4.5*	*4.6*	*-10.8*	*-12.6*	*-15.6*	*-10.2*	*-2.4*
Korea	*4.8*	*5.5*	*6.5*	*5.6*	*4.8*	*3.1*	*3.6*	*4.7*	*3.9*	*3.1*	*28.1*	*17.4*	*5.9*	*14.3*	*0.9*
India	**5.3**	**5.4**	**4.2**	**4.7**	**5.7**	**3.4**	**3.6**	**3.1**	**3.2**	**3.6**	**36.2**	**30.1**	**7.1**	**13.9**	**7.5**
Jumlah eksport	**157.1**	**152.0**	**138.1**	**145.0**	**158.1**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**13.9**	**6.6**	**1.0**	**1.3**	**0.6**

[1] Merujuk kepada Kesatuan Eropah (EU) 27 bermula dari tahun 2007
[2] Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina, Brunei Darussalam dan Vietnam

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan Import



Malaysia: Import Mengikut Penggunaan Akhir Dan Klasifikasi Kategori Ekonomi Umum (BEC)

	2006		2007		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
BARANGAN MODAL	**-4.6**	**4.1**	**-5.3**	**-1.1**	**17.3**
Barangan modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan)	0.8	4.6	-4.9	6.1	10.2
Alat kelengkapan pengangkutan	-39.9	-0.1	-7.7	-38.7	94.7
BARANGAN PENGANTARA	**12.0**	**7.1**	**9.0**	**6.5**	**-1.0**
Makanan dan minuman terutamanya untuk industri	24.8	18.2	4.0	11.3	36.8
Bekalan perindustrian, t.s.t.l.	22.8	19.2	24.1	22.1	7.7
Bahan api dan pelincir	45.6	-0.5	8.8	-4.7	-19.8
Alat ganti dan aksesori barangan modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan)	1.6	3.3	2.8	-1.1	-5.9
Alat ganti dan aksesori alat kelengkapan pengangkutan	-10.2	-22.5	-18.3	9.4	21.6
BARANGAN PENGGUNAAN	**14.7**	**12.1**	**8.9**	**1.1**	**1.0**
Makanan dan minuman terutamanya untuk penggunaan isi rumah	4.5	5.7	15.0	2.7	2.1
Alat kelengkapan pengangkutan bukan perindustrian	-35.0	45.7	-12.1	3.0	54.2
Barangan pengguna, t.s.t.l.	22.4	15.1	5.8	0.2	-0.3
Barangan tahan lama	*4.4*	*13.7*	*0.3*	*33.6*	*24.0*
Barangan separa tahan lama	*44.4*	*24.5*	*7.1*	*-21.2*	*-17.1*
Barangan tidak tahan lama	*15.8*	*9.3*	*8.0*	*3.7*	*3.6*
BARANGAN DUA GUNA	**14.8**	**-5.7**	**-8.1**	**-6.2**	**4.1**
LAIN-LAIN	**-25.1**	**-3.4**	**15.7**	**16.5**	**73.7**
IMPORT TERTANGGUH	**9.0**	**6.4**	**6.4**	**4.8**	**2.6**
EKSPORT SEMULA	**63.3**	**12.5**	**-6.9**	**-36.7**	**-11.9**
IMPORT KASAR	**11.5**	**6.8**	**5.5**	**1.7**	**1.7**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Eksport perkilangan merosot 2.1% (S2: -1.1%), disebabkan terutamanya oleh kemerosotan eksport E&E dan industri berasaskan sumber tertentu seperti keluaran kayu dan keluaran petroleum. Meskipun permintaan terhadap E&E bertambah baik, kejatuhan harga yang berterusan menjejaskan nilai eksport keluaran E&E pada suku ketiga. Bagi eksport keluaran berasaskan sumber, eksport keluaran kayu merosot berikutan permintaan dari Jepun yang lebih rendah.

Eksport pertanian terus meningkat pada suku ketiga dengan pertumbuhan sebanyak 28.2% (S2:17.9%), didorong terutamanya oleh perolehan yang kukuh daripada eksport minyak sawit. Perolehan eksport minyak sawit meningkat 53.4% pada suku ketiga disebabkan keseluruhannya oleh paras harga tertinggi pada RM2,599 setan, yakni peningkatan sebanyak 63.1% atau kenaikan kira-kira RM1,000 setan berbanding dengan tempoh yang sama tahun 2006 (RM1,594 setan). Prestasi harga yang kukuh adalah hasil daripada kenaikan permintaan global terhadap minyak sawit dalam keadaan pengeluaran yang lebih rendah di dua negara pengeluar utama minyak sawit, iaitu Malaysia dan Indonesia, selain bekalan minyak kacang soya di AS dan minyak biji sesawi di Eropah yang lebih rendah. Sebaliknya, eksport getah merosot 14% terutamanya disebabkan kejatuhan harga berikutan pengurangan permintaan global.

Eksport galian terus berkembang 7.7% pada suku ketiga disebabkan peningkatan eksport gas asli cecair sebanyak 11.8%, yang disokong oleh kenaikan harga sebanyak 10% untuk mencatat paras tertinggi pada RM1,226 setan. Sementara itu, eksport minyak mentah merosot sedikit, iaitu sebanyak 0.7%.

Aktiviti ekonomi yang kukuh di RR China dan Vietnam mendorong permintaan yang tinggi terhadap keluaran Malaysia. Eksport ke RR China dan Vietnam meningkat masing-masing sebanyak 13.6% dan 77.6%. Pertumbuhan eksport disokong oleh permintaan terhadap keluaran E&E, kelengkapan optik dan saintifik, keluaran besi dan keluli serta komoditi utama, khususnya keluaran petroleum bertapis dan minyak sawit.

Eksport ke negara Kesatuan Eropah meningkat 0.2%, diterajui oleh Jerman (12.8%) dan Belanda (4.5%). Pertumbuhan eksport disokong oleh eksport minyak sawit, kelengkapan optik dan saintifik, dan kimia dan keluaran kimia. Eksport ke India naik 7.5%, disokong oleh eksport keluaran E&E, kimia dan keluaran kimia dan minyak sawit. Eksport ke Asia Barat terus berkembang sebanyak 30.1%, didorong oleh eksport E&E, kelengkapan optik dan saintifik, dan minyak sawit.

Malaysia terus memperoleh komponen import dari RR China, Thailand dan Indonesia. Import dari negara serantau meningkat 3% dan ini terutamanya terdiri daripada keluaran E&E dan kimia dan keluaran kimia.

Pertumbuhan **import kasar** berterusan pada 1.7%, mencerminkan peningkatan dalam perbelanjaan pelaburan dan pengguna. Yang penting, import **barangan modal** berkembang 17.3%. Import barangan modal, tidak termasuk barangan import besar, meningkat 7.2%. Pengembangan kapasiti dalam sektor perkilangan dan penaikan taraf untuk kecekapan penggunaan bahan api telah mendorong pertumbuhan yang kukuh dalam import jentera dan import penjana, turbin dan motor elektrik. Aktiviti cari gali yang lebih giat dalam industri minyak dan gas mendorong kepada import kelengkapan pembinaan dan perlombongan yang lebih tinggi.

Import **barangan pengantara** pula merosot sejajar dengan kelembapan dalam eksport E&E. Import barangan pengantara yang lebih rendah mencerminkan pengurangan dalam import elektronik dan komponen keluaran telekomunikasi. Walau bagaimanapun, import barangan utama bagi industri makanan dan minuman terus meningkat sejajar dengan perbelanjaan pengguna yang kukuh. Sementara itu, import bahagian dan aksesori kelengkapan pengangkutan berkembang disebabkan permintaan dalam negeri terhadap kenderaan bermotor yang lebih tinggi.

Import **barangan penggunaan** pula meningkat 1% kepada RM7.4 bilion. Sejajar dengan permintaan yang lebih tinggi berikutan musim perayaan, import makanan dan minuman untuk sektor isi rumah adalah lebih tinggi. Import barangan penggunaan lain yang meningkat termasuk kelengkapan pengangkutan dan barangan tahan lama seperti perabot.

Aliran masuk FDI berterusan

Pada asas tunai, aliran masuk **pelaburan langsung asing** (foreign direct investment, FDI) kasar meningkat kepada RM25.9 bilion pada suku ketiga (S2: RM22.3 bilion) mencerminkan pengeluaran pinjaman antara syarikat yang lebih tinggi dalam keadaan aliran masuk modal ekuiti yang berterusan. FDI dalam bentuk modal ekuiti disalurkan terutamanya ke dalam sektor perkhidmatan, perkilangan dan minyak dan gas. FDI dalam sektor perkhidmatan mencerminkan terutamanya pengambilalihan kepentingan dan peningkatan penyertaan asing dalam subsektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan serta pengembangan berterusan dalam subsektor restoran, hotel, perdagangan borong dan runcit. Dalam sektor perkilangan, FDI adalah terutamanya untuk pengambilalihan dalam industri berkaitan kimia dan juga pelaburan dalam industri hiliran berkaitan petroleum serta industri elektrik dan elektronik. Sementara itu, aliran masuk pinjaman antara syarikat sebahagian besarnya mencerminkan pemberian pinjaman jangka pendek oleh

syarikat multinasional asing dalam sektor minyak dan gas kepada subsidiari mereka di Malaysia berikutan operasi perbendaharaan berpusat. Sejumlah besar daripada pinjaman ini telah dibayar balik pada suku yang sama. Selepas membuat pelarasan bagi aliran keluar kasar yang disebabkan terutamanya oleh pembayaran balik pinjaman jangka pendek ini, FDI bersih berjumlah RM6.8 bilion (S2: RM13.6 bilion). Perlu diambil perhatian bahawa FDI pada asas tunai tidak termasuk perolehan tertahan dan pelaburan dalam bentuk jentera dan kelengkapan yang diimport.

Aliran keluar kasar bagi **pelaburan luar negeri** berjumlah RM12.1 bilion (S2: -RM27.7 bilion), mencerminkan terutamanya pelaburan dalam bentuk modal ekuiti, sementara pemberian pinjaman jangka pendek kepada syarikat berkaitan di luar negeri menjadi sederhana. Pelaburan luar negeri pada suku ketiga dibuat terutamanya oleh syarikat-syarikat dalam sektor perkhidmatan, perkilangan dan minyak dan gas. Pelaburan luar negeri dalam sektor perkhidmatan diterajui oleh syarikat dalam subsektor kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan, dan subsektor restoran, hotel, perdagangan borong dan runcit. Sementara itu, pelaburan luar negeri dalam sektor perkilangan diterajui oleh syarikat dalam industri elektrik dan elektronik, keluaran logam serta industri berkaitan kayu. Selepas membuat pelarasan bagi aliran masuk kasar yang disebabkan terutamanya oleh pembayaran balik pinjaman jangka pendek daripada syarikat berkaitan di luar negeri, pelaburan luar negeri mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM6.9 bilion (S2: -RM8.5 bilion).

Pelaburan portfolio mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM22.3 bilion pada suku ketiga (S2: +RM14.3 bilion), disebabkan pencairan bersih ekuiti dan sekuriti hutang oleh pelabur asing. Aliran keluar bersih pada bulan Julai dan Ogos mencerminkan sentimen berhati-hati pelabur berikutan kebimbangan terhadap masalah gadai janji subprima di AS dan kesannya terhadap institusi kewangan. Walau bagaimanapun, terdapat aliran masuk semula pada bulan September dan Oktober.

Hutang luar negeri meningkat sedikit

Jumlah hutang luar negeri Malaysia berjumlah RM189 bilion atau USD54.8 bilion pada akhir bulan September 2007 (S2: RM182 bilion atau USD52.2 bilion). bersamaan dengan 31.1% daripada KNK. **Hutang luar negeri jangka sederhana dan panjang** lebih rendah pada RM132.8 bilion, mencerminkan pembayaran balik bersih hutang luar negeri oleh sektor awam. Pembayaran balik bersih yang lebih besar oleh Kerajaan Persekutuan (-RM3 bilion ;
S2: -RM0.1 bilion) disebabkan oleh matangnya Sukuk Global berdaulat bernilai USD600 juta pada 1 Julai 2007. Pembayaran balik bersih yang lebih besar sebanyak RM2.5 bilion (S2: -RM2.3 bilion) oleh Perusahaan Awam Bukan Kewangan mencerminkan terutamanya prapembayaran oleh syarikat dalam sektor perkilangan, minyak dan gas, dan pertanian untuk mengurangkan pendedahan hutang dan juga beberapa

Hutang Luar Negeri Terkumpul



[1] Tidak termasuk mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi perbankan pemastautin

Hutang Luar Negeri Terkumpul

	2006	2007	
	S3	S2	S3[a]
	RM bilion		
Hutang jangka sederhana dan panjang	149.3	134.1	132.8
Sektor awam	83.7	70.0	64.8
Sektor swasta	65.6	64.1	68.1
Hutang jangka pendek[1]	50.8	47.9	56.2
Jumlah hutang luar negeri	200.1	182.0	189.0
- Bersamaan USD bilion	53.8	52.2	54.8

[1] Tidak termasuk mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi perbankan pemastautin
[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

pembayaran balik hutang berjadual. Sementara itu, sektor swasta mencatat pengeluaran bersih sebanyak RM4.3 bilion (S2: -RM1.1 bilion), mencerminkan pengeluaran yang lebih tinggi pinjaman luar negeri manakala pembayaran balik menurun. Pengeluaran pinjaman oleh sektor swasta dibuat terutamanya oleh syarikat dalam sektor perkilangan, pengangkutan dan kewangan bukan bank.

Jumlah **hutang luar negeri jangka pendek** meningkat kepada RM56.2 bilion atau USD16.3 bilion (S2: RM47.9 bilion), sebahagian besarnya disebabkan peminjaman yang lebih tinggi oleh sektor perbankan kerana operasi perbendaharaan. Pada akhir bulan September 2007, hutang luar negeri jangka pendek mencakupi 29.7% daripada jumlah hutang luar negeri dan ialah 16.8% daripada rizab antarabangsa bersih.

Rizab antarabangsa

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM335.4 bilion (bersamaan dengan USD98.2 bilion) pada 28 September 2007. Paras rizab pada 28 September 2007 itu telah mengambil kira penambahan nilai rizab disebabkan penilaian semula berikutan pengukuhan mata wang utama berbanding dengan ringgit pada suku ketiga. Rizab meningkat kepada RM345.3 bilion (bersamaan dengan USD101.2 bilion) pada 15 November 2007. Kedudukan rizab ini memadai untuk membiayai 8.9 bulan import tertangguh dan ialah 7.4 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Rizab Antarabangsa Bersih (pada akhir tempoh)



Defisit fiskal yang lebih besar

Jumlah perbelanjaan kasar Kerajaan Persekutuan meningkat pada kadar tahunan sebanyak 17.5% (S2:15.7%), menyebabkan defisit fiskal keseluruhan sebanyak 6.9% daripada KDNK pada suku ketiga. Peningkatan emolumen, khususnya, yang disebabkan oleh kenaikan gaji dan bayaran pencen kakitangan awam di samping peruntukan lebih besar di bawah Elaun Kos Sara Hidup pada bulan Julai 2007, mengakibatkan perbelanjaan mengurus yang lebih tinggi pada suku ketiga. Defisit terus dibiayai terutamanya melalui peminjaman dalam negeri. Pada akhir bulan September 2007, jumlah hutang terkumpul Kerajaan Persekutuan sebanyak RM271.5 bilion atau 43.4% daripada KDNK.

Kewangan Kerajaan Persekutuan



[a] Awalan
Sumber : Kementerian Kewangan

Kewangan Kerajaan Persekutuan

	2006		2007[a]		
	S3	S4	S1	S2	S3
	RM bilion				
Hasil	31.9	34.4	24.2	34.2	33.3
% pertumbuhan	*20.8*	*6.9*	*0.1*	*3.5*	*4.4*
Perbelanjaan mengurus	28.8	40.0	21.7	24.8	33.7
% pertumbuhan	*25.2*	*12.8*	*25.2*	*14.7*	*17.1*
Akaun semasa	**3.1**	**-5.6**	**2.5**	**9.4**	**-0.4**
% daripada KDNK	***2.1***	***-3.8***	***1.8***	***6.1***	***-0.3***
Perbelanjaan pembangunan kasar	9.1	19.4	5.3	6.2	10.8
% pertumbuhan	*108.1*	*11.0*	*148.4*	*19.6*	*19.0*
Imbangan keseluruhan	**-5.8**	**-24.6**	**-2.6**	**3.6**	**-11.1**
% daripada KDNK	***-3.9***	***-16.6***	***-1.8***	***2.3***	***-6.9***
Memo:					
Jumlah perbelanjaan kasar	37.8	59.4	27.0	31.0	44.5
% pertumbuhan	*38.4*	*12.2*	*38.7*	*15.7*	*17.5*
Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan (pada akhir tempoh)	245.8	242.2	250.0	260.1	271.5
% daripada KDNK	*42.9*	*42.3*	*40.0*	*41.6*	*43.4*
Hutang dalam negeri	216.9	217.2	225.9	236.3	250.6
% daripada KDNK	*37.9*	*37.9*	*36.1*	*37.8*	*40.1*
Hutang luar negeri	28.9	25.0	24.1	23.8	20.9
% daripada KDNK	*5.0*	*4.4*	*3.9*	*3.8*	*3.3*

[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

Kadar pinjaman purata lebih rendah

Kadar dasar semalaman (overnight policy rate, OPR) dikekalkan pada 3.50% sepanjang suku ketiga 2007 kerana paras kadar dasar itu selaras dengan prospek jangka sederhana inflasi yang secara relatifnya rendah dan pertumbuhan ekonomi yang mampan.

Mencerminkan OPR yang tidak berubah, kadar antara bank semalaman purata adalah stabil, bergerak dalam julat yang kecil antara 3.48% hingga 3.51% pada tempoh 1 Julai – 15 Oktober. Meskipun turun naik dan ketidakpastian dalam pasaran kewangan global bertambah nyata, kadar antara bank untuk tempoh matang lain secara relatifnya masih stabil, apabila operasi Bank Negara Malaysia menyumbang ke arah menstabilkan mudah tunai dalam pasaran antara bank.

Dari segi kadar pinjaman, kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata bank perdagangan tidak berubah pada 6.72%. Kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) lebih rendah dengan ketara pada 6.30% pada akhir bulan September 2007, berbanding dengan 6.49% pada akhir bulan Jun, sebahagian besarnya mencerminkan pengeluaran pinjaman penghubung bersindiket yang kadar pinjamannya adalah lebih rendah. Sebaliknya, kadar disebut purata bagi deposit tetap (fixed deposit, FD) bank perdagangan untuk tempoh pemegangan antara 1 hingga 12 bulan secara relatifnya tidak berubah, dalam lingkungan antara 3.08% hingga 3.70% pada akhir suku ketiga (S2: 3.09% hingga 3.71%).

Purata Wajaran Harian Kadar Antara Bank Semalaman



Kadar Faedah

	2007		
	S1	S2	S3
	Pada akhir tempoh (%)		
Kadar Dasar Semalaman (OPR)	3.50	3.50	3.50
Kadar antara bank			
Semalaman	3.50	3.50	3.50
1 bulan	3.55	3.54	3.54
Kadar pinjaman asas (BLR)			
Bank perdagangan	6.72	6.72	6.72
Kadar pinjaman purata (ALR)			
Bank perdagangan	6.54	6.49	6.30
Kadar deposit tetap			
Bank perdagangan			
3 bulan	3.18	3.17	3.15
12 bulan	3.71	3.71	3.70

Kadar Pinjaman Bank Perdagangan
(Purata bagi tempoh)



Operasi Mudah Tunai Bank Negara Malaysia
(Pada suku tahunan, RM juta)



Agregat Monetari



Penentu-Penentu Wang Secara Luas, M3

	Perubahan pada tempoh				
	2006		2007		
	S3	S4	S1	S2	S3
	RM bilion				
M3	**15.7**	**44.0**	**28.9**	**-0.6**	**15.6**
Tuntutan bersih terhadap Kerajaan	-2.3	19.9	1.0	-20.7	10.6
Tuntutan terhadap sektor swasta	6.5	7.9	5.2	16.1	32.9
Pinjaman	*9.1*	*8.2*	*8.1*	*12.8*	*30.6*
Sekuriti	*-2.6*	*-0.3*	*-2.9*	*3.2*	*2.3*
Operasi luar bersih[1]	11.9	22.7	37.3	40.2	-21.2
BNM	*2.0*	*5.2*	*19.9*	*31.5*	*-7.6*
Sistem perbankan	*9.9*	*17.4*	*17.5*	*8.7*	*-13.5*
Pengaruh lain	-0.3	-6.4	-14.7	-36.1	-6.7

[1] Sebelum penilaian semula

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pertumbuhan M3 berterusan

M1 atau wang secara kecil yang merupakan ukuran baki urus niaga, berkembang pada kadar tahunan yang lebih tinggi sebanyak 18.5% (S2: 16.2%), disebabkan pertumbuhan mata wang dalam edaran dan deposit permintaan yang lebih kukuh.

M3 atau wang secara luas meningkat pada kadar tahunan sebanyak 12.3% pada akhir suku ketiga (S2: 12.6%). Peningkatan M3 didorong terutamanya oleh tuntutan terhadap sektor swasta yang lebih tinggi ekoran pertambahan kredit bank dan pegangan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) oleh sistem perbankan. Kesan operasi Kerajaan juga menyumbang kepada peningkatan M3. Pada suku ketiga, Kerajaan menanggung perbelanjaan pembangunan dan mengurus yang lebih besar. Peningkatan perbelanjaan mengurus disebabkan kenaikan gaji kakitangan awam. Kerajaan membiayai peningkatan perbelanjaan ini melalui deposit yang dikeluarkan daripada Bank Negara Malaysia, di samping terbitan sekuriti, yang sebahagiannya dilanggan oleh institusi perbankan.

Berbeza dengan suku-suku sebelumnya, operasi luar bersih memberikan kesan penguncupan

berikutan penurunan aset asing bersih Bank Negara Malaysia dan sistem perbankan, dalam keadaan aliran keluar dana daripada pasaran kewangan.

Pembiayaan meningkat pada suku ketiga

Pembiayaan kasar sektor swasta oleh sistem perbankan dan pasaran modal lebih tinggi pada suku ketiga, berjumlah RM169.1 bilion (S2: RM155.7 bilion). Peningkatan pembiayaan ini disebabkan terutamanya oleh pengeluaran pinjaman yang nyata lebih tinggi berikutan pengeluaran dana daripada satu kemudahan pinjaman penghubung bersindiket yang besar, khususnya pada bulan Julai. Terdapat penebusan bersih dalam pasaran PDS pada suku ketiga berikutan kematangan bon dalam sektor pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi. Pada asas bersih, pinjaman sektor perbankan dan PDS terkumpul berkembang pada kadar tahunan yang lebih tinggi sebanyak 8.9% pada akhir bulan September (akhir S2: 6.8%).

Pembiayaan Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal

	Pada tempoh (RM bilion)				Pertumbuhan tahunan (%)		
	2006	S3 06	S2 07	S3 07[a]	2006	S2 07	S3 07[a]
Jumlah pembiayaan kasar	**552.6**	**136.8**	**155.7**	**169.1**	**-2.3**	**10.0**	**23.6**
Pengeluaran pinjaman*	519.9	128.3	136.7	159.3	-1.6	2.5	24.1
PDS kasar (tidak termasuk Cagamas)	30.7	7.9	18.5	9.5	-0.1	136.1	19.5
Ekuiti	1.9	0.5	0.5	0.4	-69.7	33.4	-26.0
Jumlah pembiayaan terkumpul (A)+(B)	**45.5**	**11.6**	**22.7**	**28.5**	**6.2**	**6.8**	**8.9**
Sistem perbankan	48.1	9.6	16.5	31.4	8.1	7.3	10.7
Pinjaman terkumpul (A)	*34.9*	*9.6*	*12.5*	*30.9*	*6.3*	*6.0*	*9.5*
Pegangan PDS	*13.1*	*0.0*	*4.0*	*0.4*	*37.3*	*26.2*	*27.2*
PDS terkumpul (B)	10.5	2.0	10.3	-2.4	6.0	9.4	6.9
Memoranda							
PDS kasar (termasuk Cagamas)	38.2	9.2	21.0	11.9	1.8	94.5	28.8

[a] Awalan
* Pinjaman sistem perbankan termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



Permohonan dan kelulusan pinjaman untuk sektor perniagaan kekal pada tahap yang tinggi pada suku ketiga. Pengeluaran pinjaman meningkat dengan ketara pada tempoh itu, walaupun setelah pengeluaran kemudahan pinjaman penghubung yang besar itu tidak diambil kira. Pengeluaran pinjaman adalah menyeluruh, dengan dana disalurkan kepada sektor perkilangan, perniagaan borong dan runcit, dan pertanian. Pengeluaran pinjaman kepada PKS juga mencatat peningkatan yang mapan. Daripada jumlah pinjaman yang dikeluarkan, 23% disalurkan kepada PKS.

Dalam sektor isi rumah, sebahagian besar daripada permohonan dan kelulusan pinjaman yang lebih tinggi pada suku ketiga adalah untuk pembiayaan harta kediaman dan kredit penggunaan. Pembiayaan kredit penggunaan sebahagian besarnya adalah untuk pembelian kereta penumpang. Jualan kereta yang meningkat pada separuh pertama tahun 2007, ekoran pelancaran model baharu oleh pengilang kereta, menyumbang kepada peningkatan pinjaman yang stabil untuk pembelian kereta penumpang. Pinjaman yang dikeluarkan kepada sektor isi rumah juga lebih tinggi, terutamanya melalui pinjaman kad kredit, dan pinjaman untuk membeli harta kediaman dan kereta penumpang.

Penunjuk Pinjaman

	Pada tempoh (RM bilion)				Pertumbuhan tahunan %			
	2006	S3 06	S2 07	S3 07[a]	2006	S3 06	S2 07	S3 07[a]
Jumlah								
Permohonan pinjaman[n]	300.8	79.3	119.5	123.2	-1.5	-5.5	57.2	55.4
Kelulusan pinjaman[n]	188.3	47.0	83.2	74.4	-2.0	-13.5	75.0	58.3
Pengeluaran pinjaman[n]	519.9	128.3	136.7	159.3	-1.6	-4.8	2.5	24.1
Bayaran balik pinjaman[n]	478.2	117.7	123.0	123.6	-2.1	-3.1	2.6	5.0
Perubahan pinjaman terkumpul*	34.9	9.6	12.5	30.9	6.3	7.5	6.0	9.5
Antaranya:								
Perusahaan perniagaan**								
Permohonan pinjaman[n]	161.0	42.5	72.1	68.3	4.8	0.9	75.5	60.5
Kelulusan pinjaman[n]	96.3	22.9	53.9	41.1	8.7	-12.0	125.4	79.1
Pengeluaran pinjaman[n]	369.8	91.4	96.4	113.9	-1.2	-3.5	1.9	24.6
Bayaran balik pinjaman[n]	351.7	86.5	87.4	86.1	-3.9	-4.8	-2.6	-0.5
Perubahan pinjaman terkumpul*	11.3	2.9	6.5	23.8	5.0	4.4	6.0	14.8
PKS**								
Permohonan pinjaman[n]	71.4	19.5	23.9	28.7	20.0	12.8	26.4	47.0
Kelulusan pinjaman[n]	40.2	10.4	14.3	16.2	14.9	6.0	42.4	55.6
Pengeluaran pinjaman[n]	134.1	34.2	34.9	36.0	21.2	20.4	-5.5	5.3
Perubahan pinjaman terkumpul*	8.7	0.8	1.6	2.9	9.1	10.7	5.0	7.0
Syarikat besar								
Permohonan pinjaman[n]	89.6	23.0	48.2	39.5	-4.7	-7.4	117.4	71.9
Kelulusan pinjaman[n]	56.1	12.5	39.5	24.8	4.7	-22.9	185.7	98.8
Pengeluaran pinjaman[n]	235.6	57.2	61.5	77.9	-10.7	-13.8	6.7	36.1
Perubahan pinjaman terkumpul*	2.6	2.0	4.9	20.9	2.0	-0.1	6.8	21.0
Isi rumah								
Permohonan pinjaman[n]	139.8	36.7	47.4	54.9	-7.9	-12.1	35.7	49.5
Kelulusan pinjaman[n]	92.0	24.1	29.3	33.3	-11.2	-15.0	24.0	38.4
Pengeluaran pinjaman[n]	150.2	36.9	40.3	45.4	-2.6	-7.8	4.0	22.9
Bayaran balik pinjaman[n]	126.6	31.2	35.6	37.5	3.2	2.0	18.1	20.1
Perubahan pinjaman terkumpul*	26.6	7.5	5.2	8.6	8.7	10.7	7.2	7.3

* Pertumbuhan tahunan adalah untuk akhir tempoh
** Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu.
[n] Angka tidak bercampur disebabkan penggenapan
[a] Awalan. Data tertakluk pada semakan, berikutan perubahan dalam pengelasan penunjuk pinjaman mengikut sektor dan tujuan ekonomi

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jumlah pinjaman terkumpul meningkat pada kadar tahunan sebanyak 9.5% pada akhir suku ketiga (akhir S2: 6%) dengan pinjaman terkumpul kepada sektor perniagaan dan sektor isi rumah masing-masing berkembang pada kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 14.8% dan 7.3% (akhir S2: masing-masing 6% dan 7.2%).

Pemberian Pinjaman Bank kepada PKS



Pinjaman Mengikut Sektor

	Pengeluaran pinjaman					Pinjaman terkumpul
	Pada tempoh				Bahagian drpd. jumlah	Bahagian drpd. jumlah
	2006	S3 06	S2 07	S3 07		
	RM bilion				%	
Perusahaan perniagaan	369.8	91.4	96.4	113.9	71.5	42.1
Syarikat besar	*235.6*	*57.2*	*61.5*	*77.9*	*48.9*	*24.7*
*PKS**	*134.1*	*34.2*	*34.9*	*36.0*	*22.6*	*17.3*
Isi rumah	150.2	36.9	40.3	45.4	28.5	54.1
Mengikut sektor						
Pertanian, kegiatan memburu, perhutanan dan perikanan	13.9	3.6	3.3	4.1	2.6	2.2
Perlombongan dan kuari	2.0	0.5	0.6	0.4	0.3	0.2
Perkilangan	118.9	31.2	32.7	34.7	21.8	11.3
Pembinaan	30.5	7.7	8.4	8.3	5.2	4.9
Harta tanah	10.5	2.4	3.0	3.2	2.0	2.9
Bekalan elektrik, gas dan air	2.9	0.4	0.3	0.3	0.2	0.6
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	90.7	22.7	21.7	23.8	15.0	8.6
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	10.3	2.3	4.4	19.6	12.3	4.9
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	42.1	11.0	13.5	10.0	6.3	5.7
Kredit penggunaan	100.4	25.4	25.1	29.5	18.5	23.1
Antaranya:						
Kad kredit	*48.9*	*12.7*	*13.1*	*14.7*	*9.2*	*3.3*
Pembelian kereta penumpang	*32.9*	*8.5*	*7.5*	*9.1*	*5.7*	*15.7*
Jumlah	**519.9**	**128.3**	**136.7**	**159.3**	**100.0**	**100.0**

* Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu

Sumber: Bank Negara Malaysia

Aktiviti memperoleh dana dalam pasaran modal kekal kukuh

Pada suku ketiga, aktiviti memperoleh dana dalam pasaran modal kekal kukuh. Jumlah dana bersih yang diperoleh sektor awam dan sektor swasta berjumlah RM12 bilion. Walau bagaimanapun, jumlah ini lebih rendah berbanding dengan jumlah sebanyak RM22 bilion yang diperoleh pada suku sebelumnya, yang nyata lebih tinggi disebabkan satu terbitan PDS yang besar untuk aktiviti penyatuan dan pengambilalihan.

Sektor awam memperoleh jumlah dana kasar sebanyak RM13.4 bilion melalui empat terbitan sekuriti kerajaan. Ini termasuk Terbitan Pelaburan Kerajaan 5 tahun (Government Investment Issues, GII) dan tiga pembukaan semula Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) bagi 3, 10 dan 20 tahun. Memandangkan penebusan pada suku ketiga sedikit sahaja, dana bersih yang diperoleh sektor awam berjumlah RM13.4 bilion (S2: RM10.7 bilion).

Dalam sektor swasta, dana kasar sebanyak RM11.9 bilion yang diperoleh daripada pasaran PDS lebih rendah berbanding dengan suku sebelumnya (S2: RM21 bilion). Sejumlah besar dana yang diperoleh terutamanya adalah untuk aktiviti baharu, sebahagian besarnya dalam subsektor telekomunikasi dan pengangkutan. Pada asas bersih, dana yang diperoleh melalui pasaran PDS, tidak termasuk Cagamas, berjumlah RM0.6 bilion (S2: RM12.4 bilion).

Dana yang diperoleh melalui pasaran ekuiti lebih rendah pada suku ketiga. Sejumlah RM383 juta (S2: RM512 juta) diperoleh melalui empat tawaran awam awal (initial public offerings, IPO); tiga di papan utama dan satu di papan kedua.

Dana yang Diperoleh dalam Pasaran Modal

	2005	2006			2007	
	Tahun	S2	S3	Tahun	S2	S3
	RM juta					
Oleh Sektor Awam						
Sekuriti Kerajaan, *kasar*	28,276	5,741	9,324	26,830	9,107	9,924
Tolak Penebusan	15,800	1,300	8,200	12,850	-	-
Tolak Milikan Kerajaan	-	-	-	-	-	-
Bersamaan Penerimaan bersih Persekutuan	12,476	4,441	1,124	13,980	9,107	9,924
Khazanah Bon, *bersih*	833	-	-	(630)	524	-
Terbitan Pelaburan Kerajaan, *bersih*	1,000	3,500	3,000	9,500	1,400	3,500
Bon Simpanan Merdeka, *bersih*	1,516	(502)	(495)	(1,931)	(375)	(386)
Dana Bersih yang Diperoleh	15,825	7,438	3,629	20,919	10,656	13,038
Oleh Sektor Swasta						
Saham	6,315	384	518	1,916	512	383
Sekuriti Hutang	38,196	10,784	9,233	38,887	20,971	11,891
Sekuriti Hutang Swasta (PDS)	35,656	8,819	7,933	31,737	20,571	11,891
Cagamas	2,540	1,965	1,300	7,150	400	-
Tolak Penebusan	18,617	7,684	9,590	31,519	10,038	13,702
Terbitan bersih	19,579	3,099	(356)	7,368	10,934	(1,811)
Terbitan bersih (tidak termasuk Cagamas)	22,224	3,314	2,404	11,120	12,379	589
Dana bersih yang Diperoleh	25,894	3,484	161	9,284	11,446	(1,428)
Jumlah Dana Bersih yang Diperoleh	41,719	10,922	3,790	30,203	22,102	11,610
Kertas dan Nota jangka pendek, *bersih*[1]	1,579	1,175	(577)	2,563	1,164	(880)
Jumlah	43,297	12,097	3,213	32,766	23,266	10,730

[1] Merujuk kepada Kertas Perdagangan dan Nota Cagamas sahaja

Terbitan PDS Mengikut Tujuan (% daripada jumlah)



Nisbah Mudah Tunai: Urus Niaga / Nilai Terkumpul



Urus niaga sekunder dalam pasaran bon

Jumlah urus niaga dalam pasaran sekunder menurun kepada RM81.3 bilion pada suku ketiga (S2: RM110.6 bilion). Sebahagian besar jumlah urus niaga adalah dalam MGS dan GII, yang mencakupi 73% daripada jumlah urus niaga, diikuti oleh sekuriti hutang swasta, yang mencakupi 24% daripada jumlah urus niaga. Dari segi kecairan, MGS merupakan instrumen yang paling cair, mencatat nisbah kecairan sebanyak 0.28, diikuti oleh GII dengan nisbah kecairan sebanyak 0.21.

Hasil MGS meningkat antara 16 – 25 mata asas bagi kesemua tempoh matang pada suku ketiga. Hasil MGS secara relatifnya tidak berubah meskipun terdapat ketidakpastian dalam pasaran hutang subprima pada bulan Ogos. Walau bagaimanapun, memandangkan pengelakan risiko dalam kalangan pelabur dan keadaan turun naik dalam pasaran kewangan semakin bertambah, hasil MGS meningkat apabila pelabur mula mengurangkan pendedahan mereka kepada sekuriti pasaran sedang pesat membangun yang dianggap lebih berisiko. Berikutan keputusan Jawatankuasa Pasaran Terbuka Persekutuan (Federal Open Market Committee, FOMC) AS untuk mengurangkan kadar diskaun sebanyak 50 mata asas kepada 5.75% pada 17 Ogos, hasil MGS mula menurun. Namun demikian, hasil MGS tidak menurun ke tahap yang dicatat sebelum bulan Ogos. Menjelang akhir suku ketiga, hasil bagi semua tempoh matang sehingga MGS 10 tahun ditutup lebih tinggi berbanding dengan suku sebelumnya dengan hasil bagi tempoh matang jangka lebih pendek, paling banyak meningkat.

Trend Kadar Hasil MGS



Prestasi Pasaran Global dan Serantau Terpilih (29 Dis 2006 - 28 Sept 2007)



Pasaran ekuiti pulih setelah pembetulan pada bulan Ogos

Pada suku ketiga 2007, KLCI melalui pembetulan pasaran sejajar dengan pembetulan pasaran ekuiti global akibat kegawatan pasaran hutang subprima AS. Setelah mencatat tahap rendah pada 1,191.6 mata pada 17 Ogos, KLCI pulih kembali ekoran kekukuhan asas pasaran domestik yang terus tidak berganjak. Kebimbangan kegawatan kemungkiran gadai janji subprima AS akan merebak meliputi seluruh ekonomi telah membuatkan Federal Reserve melonggarkan dasar monetarinya pada 18 September. Reaksi pasaran serantau adalah positif dengan KLCI pulih semula, disokong oleh prestasi kukuh sektor perladangan, pembinaan dan harta tanah. Walau bagaimanapun, sepanjang suku ketiga, KLCI merosot 1.3% dan mengakhiri suku tersebut

Bursa Malaysia: Urus Niaga Sekuriti Korporat

	2006				2007					
	S3		S4		S1		S2		S3	
	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta
Urus niaga	37,040	49,741	57,015	78,257	118,982	156,614	89,043	142,815	80,066	132,416
Antaranya:										
Papan Utama	22,422	40,720	36,338	66,458	87,148	137,851	61,619	126,501	58,242	121,284
Antaranya:										
Produk Pengguna	660	2,200	977	2,665	1,796	4,695	2,020	5,100	1,685	4,724
Produk Industri	3,410	3,787	4,474	5,395	8,771	11,725	7,773	11,188	6,916	11,293
Pembinaan	1,596	2,626	2,787	5,262	7,469	16,864	5,080	12,854	6,074	15,664
Dagangan/Khidmat	5,958	15,148	10,465	26,467	20,181	44,458	16,266	43,912	16,822	41,543
Kewangan	2,475	7,291	3,689	12,719	8,846	28,428	5,530	21,567	4,188	19,253
Harta benda	4,084	2,331	5,742	3,681	16,381	11,369	12,125	13,312	12,690	13,251
Perladangan	1,078	4,848	1,004	5,516	1,341	8,318	2,064	10,835	1,595	7,154
Infrastruktur	469	1,146	1,196	2,512	1,539	3,231	943	2,347	2,205	4,355
Papan Kedua	3,853	2,758	5,432	4,023	8,527	4,955	11,000	7,885	6,496	4,864
Mesdaq	10,352	6,085	10,735	4,981	17,050	8,386	9,704	6,083	8,499	4,910

Sumber: Bursa Malaysia

pada 1,336.3 mata (S2: 1,354.4 mata). Permodalan pasaran lebih rendah pada RM1,031.3 bilion (S2: RM1,088.3 bilion). Aktiviti dagangan menurun dengan urus niaga harian purata sebanyak 959.3 juta unit (S2: 1,427.8 juta unit).

Pada 8 November 2007, KLCI mencapai paras tertinggi 1,413.9 mata. Pada 27 November 2007, KLCI ditutup pada 1,365 mata (sejak akhir tahun 2006: 24.5%), dengan permodalan pasaran lebih tinggi pada RM1,052.2 bilion (sejak akhir tahun 2006: 24%).

Bursa Malaysia: Penunjuk Pasaran Terpilih

	Pada akhir				
	2006		2007		
	S3	S4	S1	S2	S3
Indeks Harga					
Komposit	967.6	1,096.2	1,246.9	1,354.4	1,336.3
FBM30[1]	6,260.4	7,059.9	7,924.6	8,587.9	8,413.5
FBMEMAS[2]	6,270.7	7,169.6	8,332.8	9,107.9	8,997.5
Papan Kedua	83.2	92.0	99.3	110.7	105.8
Mesdaq	108.1	119.9	138.5	137.7	122.9
Urus niaga harian purata					
Jumlah (juta unit)	573.9	934.7	1,983.0	1,436.2	1,251.0
Nilai (RM juta)	782.0	1,282.9	2,610.2	2,303.5	2,069.0
Permodalan pasaran (RM bilion)	745.5	848.7	985.1	1,088.3	1,031.3
Bilangan syarikat yang disenaraikan	1,027	1,027	1,023	1,012	1,001

[1] FBM30 mewakili FTSE Bursa Malaysia 30 Indeks
[2] FBMEMAS mewakili FTSE Bursa Malaysia Emas Indeks

Sumber: Bursa Malaysia

Perkembangan Kadar Pertukaran Asing

Ringkasan Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Terpilih Peratus Pertukaran (1 Julai - 30 September 2007)



Dalam keadaan kegawatan pasaran kewangan utama ekoran daripada perubahan sentimen pelabur berkaitan kerugian gadai janji subprima AS, kebanyakan mata wang termasuk ringgit, mengalami turun naik lebih nyata pada suku ketiga. Pada permulaan bulan Julai, ringgit terus menambah nilai berikutan aliran perdagangan dan pelaburan. Walau bagaimanapun, sejak 25 Julai, ringgit menyusut nilai berbanding dengan mata wang utama ekoran tindakan pelabur global untuk keluar daripada hutang dan ekuiti disebabkan kegawatan pasaran kewangan antarabangsa pada tempoh ini. Mata wang serantau turut terjejas dengan penilaian semula risiko berkaitan aset pasaran negara-negara sedang pesat membangun oleh pelabur global. Walau bagaimanapun, kebalikan trend ini dalam ringgit dan mata wang serantau lain berlaku berikutan pengurangan kadar diskaun di AS pada 17 Ogos oleh Jawatankuasa Pasaran Terbuka Persekutuan (Federal Open Market Committee, FOMC), dan selanjutnya pengurangan kadar Fed Funds dan kadar diskaun masing-masing sebanyak 50 mata asas pada 18 September. Pengurangan kadar faedah dan jangkaan pasaran bahawa Federal Reserve akan mengurangkan kadar faedah selanjutnya mengembalikan semula sedikit keyakinan pelabur. Bagi suku ketiga keseluruhannya, ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS sebanyak 1.1%. Ringgit menyusut nilai berbanding dengan mata wang utama

lain sebanyak 5.6% dan 4.1% masing-masing berbanding dengan yen Jepun dan euro, dan mencatat penambahan nilai berbanding dengan paun sterling. Ringgit menunjukkan prestasi bercampur-campur berbanding dengan mata wang serantau, menambah nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang dalam julat 0.2% hingga 2.4%, tetapi menyusut nilai berbanding dengan dolar Singapura (1.6%) dan peso Filipina (1.7%).

Bagi tempoh 1 Oktober – 27 November, ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS (1.4%), tetapi menyusut nilai berbanding dengan yen Jepun (4.5%), euro (3.4%) dan paun sterling (1%). Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit menambah nilai berbanding dengan rupiah Indonesia (4%), won Korea (3%) dan baht Thailand (0.2%), tetapi menyusut nilai berbanding dengan peso Filipina (3.5%) dan dolar Singapura (2%).

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Utama



Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Serantau



Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Terpilih

RM kepada satu unit mata wang asing	Pada akhir tempoh				% perubahan sejak*		
	21 Jul 05	S3 06	S2 07	S3 07	21 Jul 05	S3 06	S2 07
Dolar AS	3.8000	3.6845	3.4545	3.4170	11.2	7.8	1.1
Euro	4.6212	4.6821	4.6425	4.8410	-4.5	-3.3	-4.1
Paun sterling	6.6270	6.9171	6.9171	6.9167	-4.2	0.01	0.01
100 yen Jepun	3.3745	3.1279	2.8000	2.9649	13.8	5.5	-5.6
Dolar Singapura	2.2570	2.3221	2.2547	2.2916	-1.5	1.3	-1.6
100 baht Thai	9.0681	9.8109	10.000	9.9723	-9.1	-1.6	0.3
100 peso Filipina	6.8131	7.3477	7.4692	7.5992	-10.3	-3.3	-1.7
100 rupiah Indonesia	0.0386	0.0399	0.0382	0.0373	3.5	7.0	2.4
100 won Korea	0.3665	0.3901	0.3732	0.3726	-1.6	4.7	0.2
Renminbi China	0.4591	0.4660	0.4535	0.4548	0.9	2.5	-0.3

*(+) menunjukkan pengukuhan nilai ringgit berbanding dengan mata wang berkenaan dan (-) menunjukkan penyusutan nilai

PERKEMBANGAN DALAM SEKTOR PERBANKAN

Sistem perbankan terus menunjukkan daya tahan yang tinggi pada suku ketiga 2007, disokong permodalan yang kukuh, keberuntungan yang stabil dan kualiti pinjaman yang terus bertambah baik.

Tahap permodalan kekal kukuh

Permodalan sistem perbankan terus kukuh dengan nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) berterusan pada 13.1% sepanjang suku ketiga. RWCR menurun sedikit pada akhir bulan September 2007, disebabkan terutamanya oleh penebusan semula modal Kumpulan II, pengagihan keuntungan oleh bank, dan pertumbuhan aktiviti pinjaman yang menyebabkan peningkatan aset wajaran risiko.

Sistem Perbankan: Kedudukan Modal

	2006		2007		
	S3	S4	S1	S2	S3
Modal					
CCR (%)	10.5	10.7	10.4	10.7	10.2
RWCR (%)	13.3	13.5	13.1	13.9	13.1

Keberuntungan kekal stabil

Keberuntungan sektor perbankan terus stabil dengan keuntungan sebelum cukai yang mapan pada RM4.28 bilion (S2: RM4.32 bilion). Pendapatan hasil daripada aktiviti berkaitan faedah bertambah baik sedikit, iaitu sebanyak RM0.1 bilion (1%) manakala perolehan urus niaga bersih mencatat peningkatan sebanyak RM0.2 bilion (40.5%). Ini telah diimbangi sebahagian besarnya oleh penurunan kecil pendapatan berasaskan fi (-RM0.08 bilion atau -4.2%). Oleh itu, pulangan berasaskan kadar tahunan atas aset purata dan ekuiti kekal kukuh masing-masing pada 1.5% dan 18.7% (S2: masing-masing 1.4% dan 18.6%).

NPL terus menurun

Tahap pinjaman tak berbayar (non-performing loans, NPL) terus bertambah baik dengan jumlah NPL bersih berdasarkan klasifikasi 3 bulan menurun sebanyak 8.6% kepada RM21.9 bilion pada akhir suku ketiga (S2: RM24.0 bilion). Penurunan ini terutamanya disebabkan oleh kutipan balik pinjaman yang lebih tinggi (+51.6%) dan pengelasan semula NPL kepada status berbayar (+47.1%) serta hapus kira yang berterusan (+40.0%) yang menyebabkan peruntukan hutang lapuk yang lebih rendah (-3.4% kepada RM3.2 bilion). Dengan kualiti pinjaman terus bertambah baik, nisbah NPL bersih menurun lagi kepada 3.5% daripada jumlah pinjaman bersih (S2: 4.1%).

Sistem Perbankan: Pinjaman Tak Berbayar



Sidang Kemuncak Perbankan Malaysia Ke-11
"Pembaharuan dan Transformasi Industri Perbankan Malaysia"
19 Julai 2007, Kuala Lumpur

Ucaptama oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Dalam dekad kebelakangan ini, sektor perbankan Malaysia telah melalui transformasi dan pembaharuan yang amat ketara. Usaha penyusunan semula, pengukuhan dan rasionalisasi yang dijalankan dalam sektor perbankan telah meletakkan sektor kewangan pada asas yang lebih kukuh. Dekad ini juga merupakan tempoh yang menyaksikan prestasi yang memberangsangkan dan peningkatan daya tahan. Ini telah dicapai melalui kejayaan mengintegrasikan proses-proses perniagaan dan penugasan semula sumber-sumber bagi menyokong bidang pertumbuhan baharu. Pembaharuan kewangan juga telah mengubah keadaan persekitaran. Penyahkawalseliaan dan liberalisasi secara berperingkat-peringkat telah meningkatkan kefleksibelan institusi kewangan di samping membuka peluang perniagaan baharu dan meningkatkan persaingan. Kesemua perkembangan ini telah memperkukuh insentif bagi peningkatan prestasi. Perubahan struktur yang ketara sepanjang tempoh ini juga telah membentuk semula landskap sistem kewangan. Usaha memperkenalkan pengantara pasaran modal dan juga bank pelaburan di samping menambahkan jumlah peserta antarabangsa yang baharu dalam kewangan Islam serta kewujudan pasaran bon yang nyata lebih maju, telah menghasilkan sistem kewangan yang nyata lebih pelbagai.

Jelas sekali, sistem kewangan dan ekonomi negara secara amnya telah menerima hasil yang positif daripada perkembangan tersebut. Kini, sektor kewangan telah berubah daripada menjadi penyokong pertumbuhan kepada sumber pertumbuhan yang penting. Industri perbankan dan insurans dalam sektor ini kini menyediakan pekerjaan kepada lebih daripada 123,000 rakyat Malaysia. Walaupun keadaan terus mencabar pada sebahagian besar dekad ini, kedudukan kewangan sistem perbankan terus kukuh dengan nisbah modal wajaran risiko melebihi 13%, nisbah pinjaman tak berbayar yang rendah dan keberuntungan yang berterusan selama lapan tahun berturut-turut. Kemajuan besar telah dicapai dalam kewangan runcit pengguna dan akses kepada perkhidmatan perbankan. Pinjaman pengguna meningkat daripada RM134 bilion pada tahun 2000 kepada RM343 bilion pada tahun 2007, manakala pinjaman yang dikeluarkan kepada perusahaan kecil dan sederhana meningkat daripada RM71 bilion kepada RM108 bilion dalam tempoh yang sama. Institusi perbankan domestik juga menjadikan prestasi domestik mereka yang kukuh sebagai asas bagi mengembangkan operasi masing-masing melangkaui sempadan Malaysia. Kini, enam buah bank domestik telah bertapak di 10 buah negara di rantau ini.

Namun begitu, keadaan sistem perbankan semasa yang memberangsangkan ini tidak seharusnya membuat kita berpuas hati dan alpa terhadap keperluan untuk terus membuat transformasi dan pembaharuan. Jalan di hadapan kita berkemungkinan besar jauh berbeza daripada jalan yang pernah dilalui selama ini. Sebagaimana pengajaran

lalu membuktikan, kita perlu sentiasa sedar bahawa strategi yang membawa kejayaan dalam persekitaran hari ini tidak semestinya menjadi formula kejayaan dalam persekitaran akan datang.

Melihat kepada persekitaran masa hadapan sektor kewangan di Malaysia, terdapat enam trend yang dianggap penting - **pertama**, perubahan konfigurasi ekonomi global dan pasaran kewangan global; **kedua**, integrasi ekonomi dan kewangan serantau; **ketiga**, pembangunan sektor kewangan dalam keadaan liberalisasi yang semakin meningkat di rantau Asia; **keempat**, peningkatan peranan permintaan domestik dalam ekonomi Asia; **kelima**, kepentingan kewangan Islam yang semakin meningkat dalam sistem kewangan antarabangsa; dan **akhirnya**, perkembangan dalam struktur dan pendekatan pengawalseliaan. Adalah dijangkakan bahawa kesemua trend ini mempunyai kesan yang besar terhadap masa depan industri perbankan.

Pertama, konfigurasi ekonomi global telah berubah dengan kemunculan beberapa ekonomi sedang pesat membangun yang besar dalam ekonomi global. Ini khususnya jelas di Asia, yang melalui kebangkitan China, India dan negara-negara Asia Tenggara, telah mempertingkatkan peranan global Asia. Hasilnya, Asia hari ini menampilkan empat daripada dua belas ekonomi terbesar dunia dan juga beberapa daripada ekonomi yang terpantas kadar pertumbuhannya. Rantau Asia juga menyumbangkan kira-kira 40% keluaran global dan satu perempat perdagangan dunia. Rantau ini juga merupakan pengeksport modal bersih yang penting, pemegang dua pertiga rizab pertukaran asing dunia dan pemegang terbesar bon berdaulat ekonomi maju. Menurut Fortune 500, satu perempat daripada syarikat global yang utama terdiri daripada syarikat Asia. Ini membuka peluang perniagaan yang sangat besar buat Malaysia yang merupakan sebahagian daripada rantau pertumbuhan yang dinamik ini.

Perubahan-perubahan tersebut telah diiringi oleh keadaan mudah tunai yang amat banyak dalam pasaran kewangan global, menyebabkan usaha pencarian pulangan yang lebih tinggi menjadi lebih giat. Trend ini menggalakkan aliran dana ke dalam pasaran modal negara-negara sedang pesat membangun, lalu membuka peluang baharu untuk perbankan borong dan perkhidmatan kewangan berkaitan dengan pasaran modal. Walau bagaimanapun, aliran ini juga menimbulkan kemungkinan berlaku risiko kemudaratan dalam keadaan pasaran kewangan apabila aliran berubah arah. Oleh itu, amat penting bagi kita untuk memastikan kita mempunyai keupayaan untuk menyerap atau menyesuaikan keadaan dengan aliran kewangan yang berubah-ubah.

Trend **kedua** yang ketara dalam pembentukan landskap kewangan masa depan ialah integrasi ekonomi dan kewangan serantau yang semakin giat. Integrasi ekonomi melalui perdagangan telah sedia maju di Asia, dengan sumbangan perdagangan intrarantau yang telah pun melebihi separuh daripada jumlah perdagangan dalam Asia. Namun, kebelakangan ini, integrasi kewangan di peringkat serantau yang semakin pesat menjadi perkembangan yang penting yang membawa manfaat sebagai pelengkap selain saling memperkukuh ekonomi-ekonomi di rantau ini. Pelaburan intrarantau dalam kalangan negara Asia telah meningkat seiring dengan bertambahnya aktiviti pembiayaan merentas sempadan. Aktiviti penyatuan dan pengambilalihan merentas sempadan dalam kalangan institusi kewangan Asia telah bertambah giat bagi merebut peluang yang muncul. Transformasi landskap kewangan dalam persekitaran semasa tidak terhad kepada rantau Asia sahaja bahkan melibatkan juga hubungan yang meningkat dengan rantau sedang pesat membangun yang lain. Apa yang nyata ialah peningkatan trend hubungan perdagangan dan kewangan antara Asia dengan Timur Tengah serta rantau lain di dunia. Bank-bank Malaysia kini berupaya mengambil kesempatan daripada trend ini.

Trend ke arah integrasi kewangan serantau juga menyediakan peluang yang banyak untuk menggunakan jumlah tabungan yang telah menjadi besar di Asia. Di samping himpunan kekayaan keinstitusian, golongan kelas pertengahan yang berkembang pesat merupakan faktor penting yang mengekalkan kadar tabungan yang tinggi. Di Asia sahaja, terdapat lebih daripada 2.6 juta individu yang memiliki aset kewangan dengan nilai bersih yang tinggi, yang secara kolektif menguasai jumlah aset kewangan bernilai USD8.4 trilion. Trend ini menyebabkan permintaan yang semakin meningkat terhadap produk kewangan pengguna dan pengurusan kekayaan yang lebih canggih. Dengan tumpuan yang semakin meningkat dalam kalangan ekonomi Asia yang lebih maju untuk mencapai pempelbagaian antarabangsa, terdapat juga potensi untuk menggunakan peluang ini bagi memenuhi permintaan terhadap aset kewangan serantau yang semakin bertambah. Momentum pertumbuhan yang berterusan di rantau ini juga mewujudkan permintaan terhadap infrastruktur. Rantau Asia dianggarkan memerlukan pelaburan infrastruktur sebanyak USD1 trilion sepanjang lima tahun akan datang, lantas menawarkan potensi yang besar untuk peluang pembiayaan.

Ketiga, sebagai usaha memperkukuh langkah ke arah integrasi kewangan serantau, pihak berkuasa di seluruh rantau telah menggalakkan lebih banyak pembangunan sektor kewangan dan meliberalisasikan secara berperingkat-peringkat akaun modal masing-masing. Banyak negara serantau sedang bergerak melangkaui penyusunan semula kewangan untuk menggalakkan sistem kewangan yang lebih pelbagai dan memberangsangkan, yang meliputi pelbagai penyedia perkhidmatan dan kelas aset, termasuk ekuiti swasta, dana lindung nilai, produk berstruktur dan kewangan Islam.

Di Malaysia, liberalisasi terhadap peraturan pentadbiran pertukaran asing yang dilaksanakan sejak tahun 2003 secara beransur-ansur tetapi progresif telah memberikan manfaat yang besar dari segi peningkatan kefleksibelan sistem kewangan, lantas menyumbang kepada pengurangan kos menjalankan perniagaan serta memperluas skop aktiviti sektor kewangan. Pada bulan April tahun ini, beberapa langkah liberalisasi telah dilaksanakan untuk terus mempertingkatkan penyertaan pelabur antarabangsa dalam pasaran modal Malaysia. Selain itu, lebih banyak kefleksibelan diberi bagi pelabur pemastautin untuk mempelbagaikan pelaburan mereka dalam pelaburan bukan ringgit di dalam dan di luar Malaysia di samping memudahkan perkembangan perniagaan mata wang asing bank domestik.

Keempat, trend kepentingan permintaan domestik juga telah menjadi lebih ketara dan dijangka berterusan di masa depan. Dengan disokong oleh kenaikan pendapatan, keadaan pasaran buruh yang kukuh dan profil demografi yang masih muda, aktiviti penggunaan sektor swasta telah bergerak ke arah barangan yang peka pendapatan (income-sensitive) dan perkhidmatan gaya hidup yang sektor perbankan runcit seharusnya berada pada kedudukan yang baik untuk menawarkan lebih banyak produk dan perkhidmatan inovatif bagi memenuhi keperluan pengguna yang semakin canggih.

Perubahan struktur demografi penduduk akan juga memberikan kesan tidak langsung terhadap landskap kewangan domestik. Walaupun penduduk Malaysia secara relatif masih muda, segmen penduduk dalam kumpulan usia 64 tahun dan ke atas semakin bertambah. Perkembangan ini akan mempunyai implikasi terhadap modal insan, strategi perniagaan dan produk institusi

perbankan dari segi tabiat menabung, dan permintaan terhadap pelbagai jenis produk.

Kelima, bidang baharu yang semakin penting dalam sistem kewangan antarabangsa ialah Kewangan Islam sebagai satu bentuk pengantaraan yang berdaya maju dan kompetitif. Inisiatif Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia (Malaysia International Islamic Financial Centre, MIFC) yang dilancarkan pada bulan Ogos 2006, telah membawa strategi liberalisasi Malaysia ke tahap baharu dengan sasaran untuk meletakkan Malaysia pada kedudukan yang strategik dalam bidang pertumbuhan baharu ini. Institusi perbankan Islam dibenarkan untuk menceburi rangkaian aktiviti kewangan Islam yang lebih luas termasuk perbankan perdagangan, perbankan pengguna, perbankan pelaburan dan juga perniagaan mata wang antarabangsa di bawah inisiatif MIFC. Institusi kewangan perlu mempertimbangkan kedudukan daya saing masing-masing dalam bidang ini dan harus mempunyai strategi bersesuaian untuk menyertai sektor pertumbuhan yang dinamik ini.

Akhirnya, paradigma pengawalan dan penyeliaan akan terus berkembang. Sesungguhnya, sepanjang dekad kebelakangan ini kita telah menyaksikan anjakan global yang besar dalam pendekatan pengawalan dan penyeliaan di banyak negara. Ini meliputi tindak balas dasar yang radikal di beberapa buah negara yang mendorong pengenalan sistem pengawalseliaan yang berkos tinggi untuk menangani masalah yang timbul, sehinggalah kepada langkah berani penyahkawalseliaan di negara lain, khususnya dalam keadaan ekonomi yang rancak dan keadaan pasaran yang kukuh. Pendekatan pengawalseliaan yang mengambil jalan tengah antara kedua-dua pendekatan yang keterlaluan ini kini nampaknya kian muncul.

Dua dimensi perubahan pengawalseliaan menjadi relevan kepada konteks persekitaran yang baharu ini. Pertama, penekanan terhadap pewujudan budaya pengurusan risiko yang mantap yang menjadi asas bagi operasi perbankan yang kukuh, akan menjadi lebih ketara. Peralihan kepada Basel II dan pelaksanaan rejim penyeliaan berdasarkan risiko merupakan elemen penting dalam perubahan ini.

Kedua, pengawalan akan terus tertumpu pada mempermudah pelarasan yang didorong pasaran bagi membolehkan industri berkembang berdasarkan perkembangan pasaran. Sementara itu, tahap pengawasan dan pengawalseliaan yang secukupnya akan dilaksanakan bagi mengekalkan kestabilan kewangan dan keyakinan orang ramai. Ini termasuk menerima pakai pengawalan berdasarkan prinsip, fokus terhadap penentuan kuasa dan disiplin pasaran dan juga fungsi pengawasan dalaman untuk memperkukuh pengawalan dan penyeliaan yang berhemat. Tujuan usaha ini ialah menggalakkan sistem kewangan yang lebih efisien dan responsif.

Sehubungan dengan ini, Bank Negara Malaysia dalam masa terdekat akan memperkenalkan proses yang lebih mudah untuk menjana inovasi produk dengan menyemak rangka kerja kelulusan produk baharu. Perubahan ini bertujuan mempercepat pengenalan produk baharu oleh institusi kewangan sementara memastikan institusi berkenaan mewujudkan program pengurusan produk yang kukuh dalam institusi masing-masing. Rangka kerja baharu ini akan menyediakan proses-proses pengawalseliaan yang lebih mudah dan membenarkan lebih banyak kefleksibelan diberi kepada bank dan penanggung insurans yang diurus dengan baik untuk memperkenalkan produk baharu dengan lebih cepat kepada pasaran. Bank dan penanggung

insurans yang layak diharap dapat menggunakan kefleksibelan ini dengan penuh tanggungjawab, dan khususnya mengambil kira kepentingan pengguna.

Penjajaran semula struktur pengawalan dan penyeliaan Bank Negara Malaysia pada bulan November 2006 menjadi titik tolak dalam memperkukuh perubahan pengawalseliaan ini. Hasil penjajaran semula ini, Bank Negara Malaysia berada pada kedudukan yang lebih baik untuk menjalankan pengawasan yang efektif terhadap sistem kewangan; untuk menyelesaikan pertindihan dan penduaan pengawalseliaan dalam sistem; untuk menangani secara lebih strategik bebanan matlamat yang banyak dan pelbagai isu yang dihadapi oleh sistem kewangan, dan yang terutama sekali, bagi memelihara pengawalseliaan berkecuali dalam pengurusan risiko yang sama antara pelbagai penyedia perkhidmatan kewangan.

Kemunculan trend ini dalam persekitaran antarabangsa dan serantau mempunyai kesan penting terhadap suasana yang membentuk sektor perbankan. Walaupun ia membuka peluang baharu, ia turut membawa bersama-samanya cabaran-cabaran. Izinkan saya kembali kepada tema sidang kemuncak ini– pembaharuan dan transformasi berterusan yang perlu dipertimbangkan untuk kemajuan industri perbankan pada masa hadapan. Saya akan menumpukan kepada tiga bidang utama.

Bidang **pertama** berhubung dengan pembangunan modal insan. Bidang ini sangat penting untuk pembangunan dan pertumbuhan masa depan sektor kewangan. Dalam melangkah ke hadapan, pembangunan modal insan akan menjadi faktor terpenting dalam menentukan keupayaan untuk membuat pembaharuan dan transformasi. Dalam hal ini, institusi kewangan mempunyai dua pilihan. Pilihan pertama ialah “membeli tenaga mahir”. Ini merupakan pilihan yang baik selagi pertumbuhan produktiviti selaras dengan kenaikan gaji. Walau bagaimanapun, bank perlu berhati-hati terhadap kenaikan gaji yang tidak selaras dengan peningkatan kecekapan atau peningkatan nilai ditambah. Langkah ini tidak dapat bertahan lama dan dalam pasaran semasa yang kompetitif, strategi seumpama ini akhirnya akan menghakis daya saing bank disebabkan penambahan kos.

Pilihan kedua ialah ”membina tenaga mahir”. Ini dapat dicapai melalui perkongsian strategik dengan penyedia latihan, menyumbang secara aktif kepada usaha seluruh industri untuk menyokong agenda latihan dan penambahbaikan berterusan terhadap program latihan dalaman.

Pilihan ini juga adalah lebih mencabar. Namun, pilihan ini juga akhirnya akan membuahkan hasil optimum bagi setiap institusi, untuk sektor kewangan dan untuk ekonomi negara. Tugas yang besar ini memerlukan usaha bersepadu kita semua untuk memastikan adanya kumpulan tenaga mahir yang berterusan, yang akan memenuhi keperluan industri pada hari ini serta masa depan. Industri juga perlu menyertai program latihan formal di institusi pengajian tinggi. Kami amat berbangga apabila melihat beberapa institusi secara sukarela telah menyertai program latihan formal berikutan satu dialog awal tahun ini anjuran Bank Negara Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi. Dengan menyumbang ke arah pembaharuan positif dalam kurikulum akademik dan memberi sokongan praktikal dalam bentuk lain, industri kewangan sebenarnya membuat pelaburan penting untuk masa depannya sendiri.

Untuk memajukan lagi usaha ini, Bank Negara Malaysia sedang merangka program latihan secara meluas dan menyediakan sekurang-kurangnya 1,000 graduan yang layak untuk ditempatkan segera di institusi perbankan dan insurans. Usaha ini akan dilaksanakan dengan kerjasama industri dan institusi latihan, dan disasarkan untuk mempertingkat penawaran kakitangan

terlatih dan kompeten untuk berkhidmat dalam industri perkhidmatan kewangan. Proses pemilihan akan dibuat dengan teliti, dan program latihan akan dirangka untuk melahirkan calon kelas pertama untuk diambil bekerja di peringkat pelatih pengurusan. Juga diharapkan institusi kewangan asing akan menggunakan rangkaian global mereka yang luas untuk menyokong program ini. Saya menyeru industri untuk memberikan sokongan padu terhadap usaha ini yang akhirnya akan memberikan manfaat kepada industri ini sendiri.

Secara kolektif, usaha ini akan banyak membantu dalam menyediakan pelajar untuk kerjaya yang produktif dalam industri perkhidmatan kewangan dan menyediakan asas kukuh untuk melahirkan pemimpin dan ketua industri masa depan.

Bidang **kedua** berkaitan dengan akses kepada perkhidmatan kewangan bagi semua pihak atau penyertaan kewangan. Strategi yang disasarkan untuk jangkauan pelanggan dan penggalakan penyertaan kewangan akan meningkatkan akses kepada perkhidmatan kewangan untuk semua segmen masyarakat, menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang lebih seimbang, dan dalam masa yang sama, memberikan sumber hasil baharu untuk industri kewangan. Langkah penting telah diambil untuk memperkukuh elemen yang menyokong penyertaan kewangan. Ini meliputi pelbagai inisiatif jangkauan, termasuk program pendidikan pengguna, pembangunan perusahaan kecil dan sederhana, peningkatan akses orang ramai kepada maklumat kewangan dan khidmat nasihat dan bantuan yang lebih meluas.

Sebahagian daripada usaha ini ialah pembangunan industri pembiayaan mikro yang mampan dan berasaskan pertimbangan komersial di Malaysia. Terdapat sekurang-kurangnya 435,000 perusahaan mikro di Malaysia, tetapi hanya 13% yang bergantung pada institusi kewangan untuk pembiayaan. Yang harus diutamakan ialah usaha bagi menggalakkan perusahaan mikro yang berdaya maju dari segi komersial. Sehubungan dengan itu, bank asing telah diberi kefleksibelan yang lebih besar untuk menambah operasi di kawasan luar bandar. Dengan matlamat penyertaan kewangan, adalah diharap bank asing akan menyokong inisiatif ini memandangkan kefleksibelan yang diberikan kepada mereka bagi memperluas jangkauan kepada segmen ekonomi yang kini kurang mendapat perkhidmatan kewangan. Turut terkandung dalam agenda penyertaan kewangan ialah tanggungjawab institusi perbankan terhadap pelanggan mereka, dan untuk memastikan maklumat yang secukupnya disediakan untuk pengguna dan pelabur supaya mereka dapat membuat keputusan berdasarkan maklumat yang mencukupi.

Dalam bidang pembangunan produk, kepentingan pengguna dan perniagaan akan diambil kira. Institusi kewangan yang menunjukkan keupayaan untuk memainkan peranan dengan penuh tanggungjawab boleh diberikan lebih kefleksibelan perniagaan untuk membuat inovasi. Institusi kewangan yang mendukung prinsip-prinsip yang perlu dalam strategi perniagaan mereka mendapat imbuhan perolehan jangka panjang daripada peningkatan nilai francais, reputasi yang kukuh dan kaitan positif dengan nilai tanggungjawab sosial yang melahirkan kepercayaan dan keyakinan orang ramai.

Bidang **ketiga** berkaitan dengan keperluan institusi perbankan memperluas lingkungan pengaruh mereka di masa depan berikutan persekitaran yang berubah-ubah. Bank akan semakin terdedah kepada perkembangan luaran dan kuasa disiplin pasaran. Terdapat beberapa bidang khusus yang institusi perbankan dapat mengambil tindakan strategik untuk mempengaruhi perkembangan tersebut. Pertama, dengan memanfaatkan "ekonomi rangkaian" melalui perkongsian strategik. Dengan integrasi global yang semakin mendalam ketika kuasa persaingan memberi tekanan ke atas margin,

langkah seterusnya ialah dengan membina perkongsian strategik untuk meningkatkan kapasiti dan memperluas jangkauan sambil mengawal kos. Perkongsian strategik dengan pihak ketiga, termasuk mereka yang berada di dalam dan di luar Malaysia, memberi peluang terbaik untuk menggunakan kelebihan setiap rakan kongsi. Dalam masa yang sama perkongsian strategik dapat menggalakkan pembangunan, pemindahan kemahiran dan peningkatan amalan terbaik serta membuka jalan untuk usaha niaga merentas sempadan yang berjaya.

Perkara kedua berkaitan bidang penetapan piawai antarabangsa. Dengan meningkatnya piawai antarabangsa dalam bidang yang sangat penting dan meluas ini, seperti piawai kecukupan modal, pelaporan kewangan dan aktiviti merentas sempadan, penting bagi institusi kewangan untuk menyertai dengan lebih konstruktif dalam proses penetapan piawai secara bersama dengan komuniti pengawalseliaan bagi memastikan ia mengambil kira keadaan dan risiko domestik.

Perkara ketiga ialah bidang rundingan perjanjian perdagangan yang sedang berjalan. Institusi perbankan perlu mengikuti rapat perkembangan dan rundingan berkenaan supaya dapat mempertimbangkan implikasinya terhadap organisasi dan strategi perniagaan mereka di masa depan.

Bidang pengaruh terakhir ialah berkaitan strategi komunikasi. Dengan meningkatnya disiplin pasaran, komunikasi yang efektif menjadi lebih kritikal. Institusi perlu menjadi lebih aktif dalam bertindak balas kepada harapan pengguna dan perniagaan dan dalam membina hubungan jangka panjang dengan pelanggan mereka supaya dapat melaksanakan strategi perniagaan jangka panjang. Ini merupakan cabaran penting yang memerlukan strategi komunikasi yang berhati-hati, terancang dan dirumuskan dengan baik, dan menggembleng sumber yang khusus bagi tujuan ini.

Kesimpulan

Dekad ini telah menunjukkan keupayaan sektor perbankan untuk membuat pembaharuan dan transformasi. Melangkah ke hadapan, perubahan dalam ekonomi global dan landskap kewangan antarabangsa akan terus bergerak melewati jangkaan. Keupayaan institusi kewangan untuk kekal relevan pada masa depan bergantung pada tindakan yang diambil sekarang dalam persekitaran semasa. Pucuk pimpinan industri akan memainkan peranan penting dalam melakar hala tuju pertumbuhan masa depan dan memupuk budaya berprestasi cemerlang yang akan mengemudi institusi kewangan ke arah kejayaan yang berterusan.

Oleh itu, perlu ada kesedaran mengenai kemunculan kuasa kitaran dan struktur yang akan memberikan kesan kepada ekonomi dan juga kaitannya dengan industri perbankan, untuk menjangka perkembangan dan peluang baharu, dan yang penting sekali, untuk mampu bertindak balas terhadap peluang baharu serta untuk kekal kompetitif dan relevan. Cabaran bagi institusi perbankan ialah keupayaan untuk mengimbangi antara tuntutan jangka sederhana dengan pandangan jangka panjang dan bagaimana menerapkannya dalam proses pembaharuan dan transformasi berterusan sesebuah organisasi.

Kewangan Islam Malaysia ke-2 – Forum Penerbit dan Pelabur 2007 "Malaysia sebagai Pusat Sukuk Global: Ke Arah Perkembangan Pasaran Sukuk Malaysia yang Lebih Pesat " 13 Ogos 2007, Kuala Lumpur

Ucaptama oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Saya amat berbesar hati kerana dapat berucap di Kewangan Islam Malaysia ke-2 – Forum Penerbit dan Pelabur 2007 yang mempertemukan pengamal dan pelabur industri untuk membincangkan perkembangan terkini dan isu penting dalam kewangan Islam. Pasaran kewangan Islam khususnya telah melalui perubahan yang ketara dan perkembangan yang pesat. Kita dapat melihat kemunculan produk dan perkhidmatan yang sangat inovatif dalam pasaran sukuk. Ucapan saya pada hari ini akan tertumpu pada potensi pertumbuhan yang besar bagi pasaran sukuk global dan pengalaman Malaysia dalam memperkukuh pasaran negara bagi aktiviti sukuk global.

Potensi Pertumbuhan yang Besar bagi Sukuk

Peranan kewangan Islam yang semakin meningkat dalam menggembleng dan menyalurkan dana bagi aktiviti pelaburan yang produktif merentas sempadan telah menyumbang kepada pengagihan dana merentas sempadan yang lebih efisien dan membantu perdagangan dan pelaburan antarabangsa. Pempelbagaian risiko yang lebih meluas juga menyumbang ke arah penggalakan kestabilan kewangan antarabangsa. Perkembangan terkini dalam kewangan Islam ialah kepentingan pasaran sukuk yang semakin meningkat untuk menjadi komponen yang kian bertambah penting dalam sistem kewangan Islam. Lima trend utama akan menentukan hala tuju pembangunan pasaran sukuk global pada masa hadapan.

Pertama, pasaran bon kini menjadi semakin penting dalam memenuhi keperluan pembiayaan bagi kedua-dua sektor swasta dan awam di negara-negara yang pesat membangun, terutama di Timur Tengah dan Asia, yang merupakan kalangan rantau yang paling pesat berkembang dalam ekonomi global. Ini termasuk keperluan kewangan bagi sektor swasta berikutan penswastaan dan pelaksanaan projek infrastruktur. Perkembangan Pasaran Bon Islam, iaitu pasaran sukuk, akan menyediakan peluang bagi sektor korporat, agensi kerajaan, syarikat multinasional dan institusi pembangunan multinasional untuk memperoleh dana melalui terbitan sukuk bagi memenuhi keperluan pembiayaan mereka. Pasaran sukuk juga menjadi platform penting iaitu pelengkap bagi pasaran bon konvensional dalam mempertingkatkan keberkesanan dan kecekapan bagi penggemblengan dan pengagihan dana dalam sistem kewangan domestik, serta sistem kewangan antarabangsa.

Kedua, meskipun minat syarikat, Kerajaan dan syarikat multinasional menerbitkan sukuk semakin bertambah, permintaan terhadap sukuk melebihi penawaran dengan ketara. Kini, pasaran sukuk global dalam denominasi mata wang antarabangsa dianggarkan melebihi

USD50 bilion. Walaupun saiz pasaran adalah sederhana mengikut ukuran global, pasaran sukuk sedang melalui pertumbuhan yang amat memberangsangkan, iaitu peningkatan pertumbuhan pada kadar purata empat puluh peratus setahun.

Lebihan tabungan dan lebihan rizab yang tinggi di Asia dan Timur Tengah telah mendorong permintaan yang ketara terhadap sukuk. Ini diperkukuh oleh pertambahan mudah tunai dalam pasaran kewangan antarabangsa dalam usaha mencari pulangan yang lebih tinggi dan pempelbagaian risiko yang lebih meluas. Kerajaan Emiriah Arab Bersatu, Qatar, Bahrain dan Pakistan telah menerbitkan beberapa siri sukuk semenjak terbitan sukuk Islam global berdaulat yang pertama oleh Kerajaan Malaysia pada tahun 2002. Bilangan agensi pelbagai hala yang turut menerbitkan sukuk untuk membiayai projek pembangunan juga bertambah. Di samping itu, agensi kerajaan dan sektor korporat telah menganggap pasaran sukuk sebagai instrumen pembiayaan yang menarik.

Ketiga, terdapat banyak peserta global seperti bank pelaburan, bank Islam dan firma sekuriti yang terbabit dalam terbitan sukuk dalam pasaran kewangan antarabangsa. Banyak bank di negara Barat juga mengambil peluang untuk menyediakan perkhidmatan kewangan Islam dan menyediakan produk dan perkhidmatan yang diubah suai bagi memenuhi kehendak pelanggan mereka.

Keempat, pusat kewangan antarabangsa yang maju juga menunjukkan minat untuk memainkan peranan aktif dalam menggalakkan pembangunan pasaran sukuk termasuk penggubalan peruntukan undang-undang yang sesuai. Perkembangan ini merupakan petanda baik bagi pembangunan pasaran sukuk.

Akhir sekali, paradigma pengawalseliaan terus melalui perubahan. Sesungguhnya, pendekatan pengawalseliaan di banyak negara mengalami perubahan yang ketara dalam dekad kebelakangan ini. Selain itu, pengharmonian piawai dan amalan juga penting. Penubuhan organisasi penetapan piawai antarabangsa seperti Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (Islamic Financial Services Board, IFSB) dan Pertubuhan Perakaunan dan Pengauditan bagi Institusi Kewangan Islam (Accounting and Auditing Organisation for Islamic Financial Institutions, AAOIFI), bagi merumuskan piawai kehematan dan perakaunan yang bersesuaian, bukan sahaja memudahkan proses pengharmonian tetapi juga menyumbang kepada pengukuhan sistem kewangan Islam. IFSB telah merumuskan layanan kehematan untuk pelaburan sukuk oleh institusi kewangan Islam sebagaimana ditetapkan dalam Standard Kecukupan Modal.

Kelebihan Malaysia Dalam Pasaran Sukuk

Saya akan menyentuh pula tentang pasaran sukuk Malaysia. Pembangunan pasaran sukuk di Malaysia telah mencapai kemajuan yang amat ketara. Pada tahun 2007, Malaysia mencakupi lebih kurang dua pertiga daripada sukuk global terkumpul, kira-kira USD47 bilion. Malaysia bukan sahaja merupakan pasaran sukuk terbesar dari segi saiz terkumpul, tetapi juga dari segi jumlah terbitan.

Dalam membangunkan pasaran sukuk, Malaysia menyediakan penyelesaian secara menyeluruh bagi aktiviti sukuk dengan menyediakan platform terbitan dan dagangan sukuk yang lengkap, yang disokong oleh empat perkara: pelbagai instrumen Islam, infrastruktur perundangan dan pengawalseliaan yang kukuh, rangka

kerja tadbir urus Syariah yang mantap dan bekalan tenaga kerja mahir. Perkara ini juga diperkukuh oleh sistem kewangan Islam Malaysia yang komprehensif yang merangkumi semua komponen utama sistem kewangan yang terdiri daripada perbankan Islam dan takaful, dan pasaran wang dan modal Islam yang pembangunannya kini pada peringkat yang lebih tinggi. Komponen sistem kewangan Islam yang pelbagai ini bukan sahaja memudahkan terbitan dan pengedaran instrumen Islam tetapi juga mewujudkan permintaan yang kukuh terhadap sukuk dengan menyediakan jumlah pelabur yang lebih besar.

Terdapat juga pelbagai instrumen Islam dalam pasaran sukuk di Malaysia termasuk swap mata wang dan kontrak hadapan Islam bagi memudahkan aktiviti perlindungan nilai dan aktiviti pengurusan risiko yang lain. Pasaran sukuk di Malaysia juga disokong oleh peraturan dan pengawalseliaan yang bersesuaian, dan kumpulan peserta global dan domestik yang berpengalaman selain profesional perundangan dan perakaunan, khidmat nasihat undang-undang dan percukaian, di samping dokumentasi dalam pelaksanaan terbitan dan dagangan.

Dalam mempromosikan Malaysia sebagai Pusat Kewangan Islam Antarabangsa (International Islamic Financial Centre, MIFC), matlamat kita adalah untuk membangunkan Malaysia sebagai pusat originasi terbitan, pengedaran dan perdagangan sukuk dalam usaha selanjutnya untuk mendorong pembangunan pasaran bon yang semakin menggalakkan dan progresif di Malaysia, serta di rantau Asia. Ini akan dapat mengukuhkan lagi dimensi antarabangsa bagi pasaran sukuk di Malaysia melalui jalinan hubungan dengan penerbit dan pelabur antarabangsa. Bagi mengembangkan lagi pasaran bon dan sukuk, Malaysia telah meliberalisasikan peraturan pentadbiran pertukaran asing dengan membenarkan institusi kewangan pelbagai hala, syarikat multinasional dan syarikat nasional lain untuk menerbitkan instrumen dalam denominasi ringgit dan bukan ringgit dalam pasaran modal kita.

Malaysia juga telah menyediakan infrastruktur kewangan dan peraturan pemudahan yang menyumbang kepada penemuan harga yang efisien dan masa yang singkat bagi terbitan bon, lantas menyediakan platform yang efisien bagi aktiviti terbitan sukuk dan perdagangan.

Rangka kerja undang-undang, pengawalseliaan dan rangka kerja Syariah yang sedia ada dalam infrastruktur kewangan Islam di Malaysia diperkukuh oleh infrastruktur kewangan sokongan, termasuk sistem penyelesaian dan maklumat bon. Bagi memudahkan proses terbitan sukuk yang efisien di Malaysia, pusat Sehenti MIFC diwujudkan sebagai pusat hubungan tunggal untuk proses penyampaian yang efisien bagi memudahkan terbitan sukuk.

Bagi memudahkan lagi proses ini, tidak ada sekatan bagi penerbit untuk menggunakan khidmat penarafan antarabangsa, melindung nilai kedudukan dan swap hasil terbitan ke dalam mata wang asing.

Beberapa keperluan undang-undang dan pengawalseliaan terus diubah suai bagi mengurangkan kos terbitan sukuk. Ini adalah sebahagian daripada usaha berterusan untuk menjadikan Malaysia sebagai pintu masuk yang menarik bagi terbitan sukuk. Keuntungan dan dividen yang diperoleh pelabur bukan pemastautin hasil daripada pegangan instrumen Islam dalam denominasi ringgit dan bukan ringgit yang diterbitkan di Malaysia dikecualikan daripada cukai pegangan. Alat Tujuan Khas (Special Purpose Vehicles, SPV) untuk tujuan pembiayaan Islam melalui

pasaran modal Islam tidak tertakluk kepada prosedur pentadbiran di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967. Selain itu, syarikat yang menubuhkan SPV ini diberikan penolakan cukai atas kos terbitan sekuriti Islam yang ditanggung SPV. Kos terbitan untuk semua sekuriti Islam yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti juga layak untuk mendapat penolakan cukai. Akhir sekali, terdapat juga pengecualian duti setem selama 10 tahun atas instrumen yang berkaitan dengan sekuriti Islam di bawah MIFC.

Malaysia juga telah menyediakan platform yang efisien bagi perdagangan bon termasuk Sistem Pindahan Dana dan Sekuriti Elektronik Masa Nyata (Real-time Electronic Transfer of Funds and Securities System, RENTAS), Sistem Terbitan/ Penawaran Automatik Sepenuhnya (Fully Automated System for Issuance/Tendering, FAST), and Sistem Penyebaran Maklumat Bon (Bond Information and Dissemination System, BIDS) bagi menyediakan ketelusan selepas perdagangan dan mudah tunai pasaran setanding dengan pasaran yang maju. Malaysia mempunyai penghubung sistem pembayaran dengan Hong Kong Monetary Authority bagi penjelasan dalam dolar AS, manakala penjelasan Sekuriti Kerajaan Malaysia adalah melalui Clearstream.

Akhir sekali, persekitaran yang kondusif untuk mendorong inovasi adalah penting dan ini telah diwujudkan. Pada tahun 2006, pasaran Malaysia terus menghasilkan produk yang inovatif dengan pelancaran sukuk yang menggunakan Mudharabah, Musyarakah and Ijarah. Terbitan penting seperti sukuk Musyarakah boleh ditukar milik oleh Khazanah Nasional Berhad menandakan terbitan buat kali pertama sukuk seumpamanya di dunia, yang menggabungkan ciri-ciri kebolehtukaran sepenuhnya yang biasa digunakan dalam urus niaga berkaitan ekuiti secara konvensional.

Faktor penting yang mendorong inovasi ialah terdapatnya sekumpulan tenaga kerja berkebolehan yang berpengalaman. Buat masa ini, institusi kewangan Islam mempunyai seramai 9,000 orang kakitangan. Mereka juga disokong oleh tenaga kerja daripada institusi kewangan konvensional domestik dan asing. Kepakaran yang terdapat di Malaysia ini membolehkan pembangunan produk yang inovatif bagi memastikan reka bentuk dan struktur produk serta aspek pengurusan risiko dapat ditangani secara rapi.

Terdapat juga sambutan menggalakkan daripada institusi kewangan tempatan dan asing untuk menubuhkan Bank Islam Antarabangsa, Pengendali Takaful Antarabangsa, dan juga Unit Perniagaan Mata Wang Antarabangsa bagi menjalankan perniagaan mata wang antarabangsa dalam kewangan Islam di Malaysia. Sehingga kini, sebanyak lapan buah institusi kewangan telah diberikan kelulusan untuk menubuhkan Unit Perniagaan Mata Wang Antarabangsa seumpama itu di Malaysia.

Bank perdagangan dan pelaburan yang diberikan lesen di bawah BAFIA di benarkan menubuhkan Unit Perniagaan Mata Wang Antarabangsa bagi menjalankan perniagaan perbankan Islam di bawah entiti yang sedia ada.

Bagi mempertingkatkan sistem penyampaian untuk memudahkan penubuhan Unit itu, “lorong khas eksekutif” (“executive green lane”) telah disediakan untuk mempercepat permohonan pas pekerjaan jangka panjang dengan visa masuk berbilang oleh ekspatriat. Selain itu, peraturan Jawatankuasa Pelaburan Asing juga dilonggarkan lagi untuk membenarkan 100 peratus pemilikan ekuiti asing dalam institusi kewangan ini.

Portal MIFC juga telah dilancarkan sebagai sumber utama bagi maklumat

dalam talian yang menyeluruh mengenai inisiatif dan perkembangan terkini dan membolehkan akses yang mudah untuk mendapat borang permohonan, prosedur dan garis panduan yang berkaitan dengan kemasukan dan penyertaan dalam MIFC. Portal ini kini boleh diakses secara dalam talian melalui www.mifc.com.

Dengan berkumpulnya ramai para pengamal kewangan Islam selama 2 hari di sini bagi membincangkan pelbagai perkara yang berkaitan dengan penerbit dan pelabur, ini akan membantu meningkatkan pemahaman bersama dan mengembangkan sempadan pengetahuan kita tentang peluang yang ada dalam pasaran sukuk dan potensi yang disediakan oleh pasaran sukuk Malaysia dan hubung kaitnya dengan sistem kewangan Islam antarabangsa yang lain. Ini akan dapat memudahkan aliran dana merentas sempadan yang lebih besar dan bukan sahaja menyumbang kepada integrasi ekonomi dan kewangan antarabangsa yang lebih meluas, sekali gus pertumbuhan global, bahkan menyumbang ke arah kestabilan kewangan dalam sistem kewangan antarabangsa.

Forum Perniagaan Malaysia - Jepun
'Mempertingkatkan Hubungan dan Peluang Baharu'
24 Ogos 2007, Kuala Lumpur

Ucapan oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Saya berbangga dan amat berbesar hati untuk berada di sini dan berucap pada forum yang penting ini, yang mempertemukan pemimpin-pemimpin kerajaan dan komuniti perniagaan dari kedua-dua negara. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Pertubuhan Perdagangan Luar Jepun (Japan External Trade Organisation, JETRO) kerana menjemput saya untuk berucap pada forum ini. JETRO memainkan peranan penting dalam mempererat hubungan ekonomi antara Malaysia dengan Jepun. Ketika Jepun dan Malaysia telah mewujudkan hubungan yang kukuh, persekitaran yang kita beroperasi sedang mengalami perubahan yang ketara. Perubahan ini mempunyai potensi bagi hubungan dan peluang baharu antara Jepun dengan Malaysia.

Mempertingkatkan kesalinghubungan dan integrasi di Asia

Pada hari ini, Asia semakin diiktiraf sebagai rantau yang mengalami pertumbuhan yang dinamik dalam ekonomi global. Kejayaan Asia pada masa lalu dicapai sebahagiannya melalui pengukuhan kesalinghubungan globalnya menerusi eksport ke bahagian lain di dunia. Kini, kesalinghubungan serantau baharu sedang muncul apabila Asia terus meningkatkan perdagangan dan pelaburannya dalam rantau itu, trend yang telah menjana pertumbuhan serantau yang saling memperkukuh.

Integrasi ekonomi Asia kini sudah pun jauh lebih maju ke hadapan melalui perdagangan dan pelaburan dalam rantau yang semakin hebat. Perdagangan dalam Asia kini mencakupi lebih separuh daripada jumlah perdagangan rantau ini. Perubahan ini sebahagiannya adalah hasil daripada ekonomi yang semakin pesat berkembang di Asia, yang secara berkumpulan mewujudkan pasaran eksport yang besar dan sedang berkembang. Integrasi ekonomi ini juga berpunca daripada penyertaan Asia dalam globalisasi pengeluaran. Trend ini mendorong kepada pempelbagaian yang lebih besar aktiviti ekonomi di rantau ini dan pengurangan dalam pergantungan yang berlebihan terhadap pasaran eksport tradisi. Dalam bidang pelaburan, Jepun sudah beberapa dekad menjadi antara pelabur langsung asing yang terbesar di rantau Asia. Fenomena terbaharu ialah pelaburan merentas sempadan yang lebih meluas di rantau ini untuk memanfaatkan peluang yang kian bertambah berikutan kekuatan ekonomi yang menyeluruh di rantau ini.

Perkembangan ini meningkatkan potensi Asia untuk menjadi penjana penting pertumbuhan ekonomi global. Kemajuan yang telah dicapai dalam peningkatan integrasi ekonomi perlu diperkukuh oleh integrasi kewangan yang lebih meluas. Proses integrasi kewangan yang dipercepat akan bertindak sebagai pendorong yang sangat kuat, bukan sahaja untuk memperkukuh kesalinghubungan perdagangan dan pelaburan, bahkan yang lebih penting lagi untuk mempermudah pengagihan modal di peringkat antarabangsa dengan lebih efisien. Pelaksanaan proses integrasi ini akan

menyumbang ke arah merealisasikan potensi Asia dalam ekonomi global. Sesungguhnya, integrasi kewangan yang lebih meluas ini juga akan memainkan peranan penting untuk memudahkan pengagihan dana yang berlebihan di sebahagian Asia ke dalam pelaburan yang produktif dalam rantau ini. Pengitaran semula dana yang lebih berkesan dan efisien dalam rantau ini akan membantu mengurangkan kos kewangan, menstabilkan harga kewangan dan meningkatkan potensi untuk pempelbagaian risiko. Kesemua ini secara kumulatif menggalakkan kestabilan dan daya tahan sistem kewangan di rantau kita ini. Kegawatan masa kini dalam pasaran kewangan global yang menyebabkan ketidaktentuan pasaran menuntut keperluan yang lebih besar terhadap sistem kewangan yang stabil dan berdaya tahan.

Terdapat beberapa cara untuk mempertingkatkan kesalinghubungan kewangan, yang sebahagiannya sedang dalam pelaksanaan. Dalam sektor kewangan, kita sudah pun menyaksikan institusi kewangan Asia berkembang melangkaui sempadan dalam negeri, lantas memperkukuh hubungan ekonomi serantau. Penguat kuasa dan pengawal selia serantau juga telah bersama-sama membangunkan pasaran kewangan serantau termasuk pasaran modal, infrastruktur sokongan kewangan serantau dan mekanisme bagi pengurusan krisis dan penyelesaian. Perkembangan ini merintis jalan kepada perkongsian ekonomi dan kerjasama strategik dalam bentuk baharu dan terus memajukan proses integrasi serantau dan kesalinghubungannya dengan bahagian lain di dunia.

Malaysia dan Jepun : Kesalinghubungan dan Peluang

Malaysia merupakan salah sebuah ekonomi yang paling terbuka di dunia, dengan hubungan perdagangan dan pelaburan global yang ketara, dan telah menjadi pusat keuntungan yang penting bagi pelaburan langsung asing sejak beberapa dekad. Di samping itu, jumlah aktiviti perdagangan Malaysia ialah dua kali ganda saiz ekonominya, iaitu antara yang paling tinggi di dunia. Jangkauan perdagangan kami merangkumi kedua-dua ekonomi besar dan kecil. Malaysia mempunyai hubungan ekonomi yang luas dengan Jepun sejak beberapa dekad, dengan pelaburan langsung asing Jepun menjadi penting khususnya sejak pertengahan 1980-an. Pelaburan Jepun juga penting dalam menjadikan Malaysia sebahagian daripada rangkaian pengeluaran serantau. Sehingga ke hari ini, Jepun kekal sebagai rakan kongsi penting perdagangan dan pelaburan bagi Malaysia.

Sementara hubungan ekonomi antara Jepun dengan Malaysia melalui perdagangan dan pelaburan sudah pun sedia mantap, potensi pengukuhan hubungan kewangan pada masa hadapan adalah ketara. Dalam dekad kebelakangan ini, sektor kewangan Malaysia telah melalui transformasi yang ketara. Penstrukturan semula, penggabungan dan pembaharuan sektor kewangan telah memperkukuh keupayaan, kefleksibelan dan daya tahan sistem kewangan. Selain itu, perkembangan beberapa segmen baharu pasaran juga telah wujud, termasuk pasaran bon dan kewangan Islam. Pasaran bon Malaysia adalah yang terbesar di Asia Tenggara dengan pasaran sekuriti hutang swasta yang rancak berkembang. Malaysia juga secara beransur-ansur terus meliberalkan sistem kewangannya yang sedia terbuka untuk terus membolehkan aliran dana bebas masuk ke dalam dan keluar daripada sistem. Transformasi ini telah meluaskan potensi untuk pelbagai peluang baharu bagi menyertai sektor kewangan di Malaysia dan untuk memudahkan aliran kewangan yang lebih besar ke dalam rantau.

Hubungan dan Peluang Baharu yang Ditawarkan Kewangan Islam

Dekad ini juga menyaksikan perubahan dan pengembangan global industri perkhidmatan kewangan Islam yang pesat. Malaysia telah

membangunkan sistem kewangan Islam yang komprehensif yang beroperasi seiring dengan sistem kewangan konvensional. Sejak akhir-akhir ini, dimensi antarabangsanya menjadi semakin ketara kerana kewangan Islam semakin menjadi bahagian penting dalam sistem kewangan antarabangsa. Dengan menjadi sedemikian, kewangan Islam menyumbang kepada pengukuhan kesalinghubungan antarabangsa antara pasaran kewangan dengan sistem yang lebih meluas dan merangkumi semua. Bilangan institusi kewangan Islam di seluruh dunia meningkat melebihi 300, yang meliputi lebih daripada 75 buah negara. Jumlah aset sistem kewangan Islam dianggarkan melebihi satu trilion dolar AS. Kewangan Islam adalah antara kalangan segmen kewangan yang terpantas pertumbuhannya di dunia dengan pertumbuhan tahunan bagi rantau ini dianggarkan antara 15 hingga 20 peratus. Kini permintaan terhadap produk kewangan Islam dalam pasaran global semakin kukuh, jauh melebihi produk dan perkhidmatan kewangan yang sedia ada yang ditawarkan oleh institusi kewangan Islam.

Perkembangan global sistem kewangan Islam menjadi penting khususnya dalam persekitaran kewangan dan ekonomi yang lebih mencabar ini. Ketika sistem kewangan antarabangsa menjadi lebih pelbagai, dan ketika bentuk baharu pengantaraan kewangan sedang berkembang, kewangan Islam menyediakan wadah alternatif untuk memperoleh dana kepada sektor perniagaan manakala pelabur pula disediakan dengan kelas aset baharu. Ini menyumbang kepada pempelbagaian risiko yang lebih meluas. Yang lebih penting, keperluan asas kewangan Islam ialah ia menghendaki urus niaga ekonomi yang mendasarinya dan dengan itu mengelak daripada aktiviti yang bersifat spekulasi. Kewangan Islam juga melarang risiko dijadikan sebagai komoditi, yang menyebabkan pemanfaatan melalui berbilang leveraj dan pengagihan yang tidak seimbang. Kewangan Islam sebagai satu bentuk pengantaraan kewangan juga akan menyumbang kepada peningkatan mobilisasi dan pengagihan dana yang efisien merentas rantau. Ini akan membawa kepada pengukuhan integrasi kewangan global yang lebih meluas dan merangkumi semua. Pempelbagaian risiko yang lebih meluas juga menyumbang kepada penggalakan kestabilan kewangan antarabangsa. Sifat kontrak kewangan Islam yang telus dan keperluan terhadap urus niaga ekonomi yang mendasarinya memperkukuh kestabilan sistem kewangan Islam.

Melangkah ke hadapan dalam persekitaran semasa yang liberal dan global ini, kewangan Islam berada di ambang dimensi baharu dalam memperkukuh kesalinghubungan antara negara di seluruh dunia. Sebagaimana Laluan Sutera Silam kurun ke-14 yang menyediakan laluan untuk mempermudah perdagangan dari Timur ke Barat, kita kini boleh membayangkan Laluan Sutera Baharu yang mempermudah aliran kewangan merentas sempadan antara Timur dengan Barat. Ketika integrasi kewangan serantau menjadi bertambah pesat, ia akan menjadi laluan yang akan memudahkan proses ini. Hubungan perdagangan yang lalu antara rantau Timur Tengah dengan Asia, dua rantau yang paling pantas pertumbuhannya dalam ekonomi global, juga berpotensi untuk diperkukuh. Sementara perdagangan dunia secara puratanya berkembang 9 peratus pada tempoh tahun 2002 – 2006, perdagangan Asia dengan Timur Tengah secara purata meningkat sebanyak 30 peratus. Pada tahun 2006 sahaja, urus niaga besar-besaran yang melibatkan pengambil- alihan korporat dan pembelian harta tanah dari Teluk hingga ke Asia, dianggarkan berjumlah lebih daripada USD18 bilion. Nilai pelaburan sedemikian dijangka meningkat pada masa hadapan. Untuk lima tahun berikutnya, dijangkakan bahawa Asia memerlukan USD1 trilion dari segi pelaburan infrastruktur dan sedang mencari rakan kongsi dan pelabur strategik baharu untuk menjadi pelabur bersama dalam usaha ini. Trend ini akan memberikan manfaat kepada rantau ekonomi yang mempunyai kadar tabungan dan lebihan yang tinggi seperti Asia dan Timur Tengah kerana ia akan

menggalakkan pengantaraan sebahagian daripada lebihan dana dalam rantau itu untuk disalurkan ke dalam pelaburan yang produktif dalam rantau tersebut.

Beberapa pusat kewangan di Barat, Timur Tengah dan Asia sedang memperkenalkan kewangan Islam sebagai bahagian penting pasaran kewangan mereka dengan menawarkan rangkaian produk dan perkhidmatan kewangan yang lebih meluas. Trend ini dijangka merentangkan Laluan Sutera Baharu dari Timur Asia dan Timur Tengah sehingga ke Eropah dan bahagian lain dunia. Sesungguhnya, kita sudah pun menyaksikan penyertaan pelabur global dan komuniti kewangan antarabangsa.

Pengalaman Malaysia

Izinkan saya berkongsi dengan anda pengalaman Malaysia membangunkan sistem kewangan Islam dalam persekitaran yang semakin liberal ini. Malaysia telah membangunkan sistem kewangan Islam yang komprehensif yang merangkumi industri perbankan dan takaful dan pasaran wang serta pasaran modal Islam - yakni satu matriks yang saling memperkukuh integriti dan kestabilan sistem kewangan Islam. Kemajuan terpenting khususnya telah dicapai dalam pembangunan pasaran sukuk Malaysia, atau pasaran bon Islam. Pasaran sukuk Malaysia kini berkembang menjadi pasaran bon Islam terbesar di dunia. Pada tahun 2007, Malaysia mencakupi kira-kira dua pertiga daripada terbitan sukuk seluruh dunia yang jumlah terkumpulnya kira-kira USD47 bilion. Pada tahun 2002, Kerajaan Malaysia menerbitkan sukuk global berdaulat yang pertama. Dengan terbitan sukuk tersebut, ia menjadi tanda aras antarabangsa bagi terbitan sukuk global. Sejak itu, terdapat beberapa terbitan sukuk berdaulat dalam pasaran modal global. Pasaran sukuk merupakan sumber penting untuk membiayai aktiviti pelaburan yang produktif manakala bagi pelabur pula, pasaran sukuk memberikan potensi yang lebih besar untuk mempelbagaikan kelas aset baharu.

Perkembangan pasaran sukuk Malaysia melibatkan inisiatif yang meluas untuk memudahkan proses terbitan yang efisien, proses penemuan harga, penambahan jumlah pelabur, pewujudan tanda aras hasil bagi menggalakkan kecairan dalam pasaran sekunder dan memperkukuh rangka kerja pengawalseliaan. Inisiatif ini diperkukuh oleh rangka kerja perundangan dan Syariah serta infrastruktur kewangan sokongan termasuk sistem penyelesaian dan sistem maklumat bon.

Piawai antarabangsa berhemat untuk kewangan Islam telah dirumuskan oleh Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (Islamic Financial Services Board, IFSB), yang bertempat di Malaysia. IFSB merangka piawai pengawalan dan penyeliaan antarabangsa bagi institusi kewangan Islam dengan tujuan untuk mencapai amalan terbaik bagi memastikan kekukuhan dan kestabilan sistem kewangan Islam. Dengan penubuhan Pertubuhan Perakaunan dan Pengauditan bagi Institusi Kewangan Islam (Accounting and Auditing Organisation for Islamic Financial Institutions, AAOIFI), piawai perakaunan yang bersesuaian disediakan untuk mencerminkan nilai benar dan wajar operasi perbankan bagi memastikan akauntabiliti dan tanggungjawab institusi kewangan yang lebih besar.

Dengan bertambah matangnya pasaran bon dalam negeri, Malaysia telah membenarkan syarikat asing, syarikat multinasional dan agensi pelbagai hala untuk memperoleh dana dalam pasaran bon Malaysia tanpa sebarang sekatan dalam penggunaan dana tersebut. Dana ini boleh digunakan untuk membiayai aktiviti pelaburan asing di luar negara. Berikutan langkah liberalisasi ini, sukuk berdenominasi ringgit yang pertama diterbitkan pada tahun 2004 oleh International Finance Corporation (badan pelaburan IBRD Bank Dunia), disusuli terbitan oleh IBRD Bank Dunia pada tahun 2005. Pada bulan November 2006, pasaran kami terus dilonggarkan

bagi membenarkan terbitan sukuk mata wang asing daripada pasaran dalam negeri kami. Yang terkini, terbitan ulung sukuk Musyarakah boleh ditukar milik bernilai USD750 juta oleh Khazanah Nasional, agensi pelaburan Kerajaan, menandakan terbitan pertama di dunia bagi jenis seumpama itu yang mengandungi ciri-ciri boleh ubah sepenuhnya yang lazimnya terdapat dalam urus niaga berkaitan ekuiti konvensional. Terbitan ini telah menarik minat pelabur dari luar Malaysia, lantas memperkukuh kesalinghubungan kami dengan pasaran kewangan antarabangsa yang lain.

Sukacita saya nyatakan di sini bahawa memorandum persefahaman antara Bank Negara Malaysia dengan Japan Bank For International Corporation (JBIC) telah dimeterai pada tahun ini untuk memajukan hubungan dalam bidang ini antara JBIC dengan Bank Negara Malaysia. Selain itu, sebuah syarikat kredit pengguna Jepun yang berpangkalan di Malaysia telah mencatat satu lagi pencapaian penting dengan menerbitkan kertas komersial Islam awal tahun ini.

Perubahan yang berlaku dalam persekitaran ekonomi dan kewangan di rantau kita ini dan persekitaran global memberikan kita banyak peluang baharu. Oleh itu, perkongsian antara Malaysia dan Jepun perlu berkembang bukan sahaja dalam bidang perdagangan barangan dan pelaburan langsung tetapi juga perlu merangkumi hubungan kewangan yang semakin berkembang. Kewangan Islam merupakan wahana yang boleh memperdalam hubungan kewangan kita dan proses integrasi serantau. Dalam mempertingkatkan hubungan baharu ini dan integrasi yang lebih besar, kewangan Islam akan menyumbang kepada pembukaan peluang baharu untuk kemakmuran kita bersama.

Forum Global INCEIF 2007
"Kepimpinan Dalam Kewangan Global – Kemunculan Kewangan Islam"
30 Ogos 2007, Kuala Lumpur

Ucaptama oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Saya amat berbesar hati dan berbangga kerana dapat berucap di Forum Global INCEIF yang pertama, yang menghimpunkan para cendekiawan, penyelidik dan pengamal yang unggul daripada industri perkhidmatan kewangan. Izinkan saya memberikan tumpuan pada dimensi antarabangsa kewangan Islam yang terus bertambah penting. Kewangan Islam kini berkembang melangkaui sempadan ekonomi yang secara tradisinya dihuni oleh majoriti umat Islam untuk menjadi bahagian sistem kewangan antarabangsa yang semakin penting. Jumlah aset bagi sistem kewangan Islam dianggarkan melebihi satu trilion dolar AS. Kewangan Islam adalah antara segmen kewangan dalam sistem kewangan antarabangsa yang paling pesat berkembang dengan pertumbuhan tahunan dianggarkan antara 15 hingga 20 peratus. Kini, permintaan terhadap produk kewangan Islam dalam pasaran global semakin bertambah, jauh melebihi penawaran produk dan perkhidmatan kewangan yang ditawarkan oleh institusi kewangan Islam.

Ketika kita maju ke hadapan, persekitaran antarabangsa yang di dalamnya kita beroperasi juga berubah dengan pesat dan menjadi **lebih kompleks, bersaingan** dan **mencabar**. Dalam persekitaran masa kini, ia lebih mudah berubah dan tidak menentu. Cabaran bagi kewangan Islam adalah untuk membangunkan strategi yang akan memastikan ia bersaingan, dinamik dan mampan. Satu aspek dalam kewangan Islam global kontemporari yang penting ialah ciri Kepimpinan dalam Islam adalah "berteraskan prinsip" yang melibatkan "kepercayaan" (amanah) dan ini disertai oleh ""tanggungjawab" (taklif) dan "akauntabiliti" (mas'-u-li-yah). Ucapan saya hari ini akan menyentuh tentang unsur-unsur positif yang dibawa oleh kewangan Islam ke dalam sistem kewangan global, prospeknya bagi mempertingkatkan integrasi antarabangsa dan potensi untuk mengukuhkan aspek sosioekonomi kewangan Islam.

Pengoptimuman Manfaat Kewangan Islam

Aspek penting dalam mengembangkan dimensi antarabangsa kewangan Islam ialah pengoptimuman limpahan manfaat dan peluang yang bakal disediakan oleh kewangan Islam. Kewangan Islam mendukung kuat nilai teras dan sifat kebaikan yang sejagat. Keperluan asas kewangan Islam ialah aktivitinya terhad pada aktiviti yang disokong oleh urus niaga ekonomi yang mendasarinya, seterusnya ini dapat mengelak daripada aktiviti yang bersifat spekulasi. Prinsip Islam menghendaki urus niaga kewangan disertai oleh urus niaga berkaitan perdagangan dan perniagaan yang sebenar. Ini memperuntukkan tahap penzahiran dan ketelusan yang tinggi. Dengan itu, ia menghalang risiko daripada dijadikan sebagai bahan komoditi, yang menyebabkan pemanfaatan melalui berbilang aktiviti leveraj dan pengagihan yang tidak seimbang. Ia mengurangkan kemungkinan wujudnya

kekurangan maklumat dan kesilapan penetapan harga risiko dan dengan itu dapat mengelak perkara yang boleh menyumbang kepada ketidakpastian dan gangguan dalam keadaan pasaran.

Kekuatan dan kestabilan sistem kewangan Islam diperoleh daripada keupayaannya untuk menegakkan prinsip Syariah. Lantaran itu, sistem kewangan Islam mempunyai dimensi sedia ada yang menggalakkan kekukuhan dan kestabilan kewangan, kerana berada dalam trajektori kewangan yang disokong kuasa injunksi Syariah. Injunksi Syariah ini menjalinkan urus niaga kewangan Islam dengan aktiviti produktif yang sebenar, dan menghalang penglibatan dalam aktiviti haram dan tidak beretika. Prinsip tadbir urus yang intrinsik ini menyumbang ke arah perlindungan sistem kewangan Islam daripada kemungkinan risiko tekanan kewangan yang tercetus oleh aktiviti leveraj dan spekulasi kewangan yang berlebihan.

Tidak kurang penting ialah komponen utama sistem kewangan Islam yang terdiri daripada institusi kewangan, pasaran dan infrastruktur kewangan, telah membuktikan daya maju dan kekukuhannya sebagai suatu bentuk pengantaraan kewangan, berserta peranannya yang saling memperkukuh dalam mempertingkatkan kestabilan keseluruhan sistem kewangan Islam. Peranannya yang semakin penting dalam menggembleng dan menyalurkan dana untuk aktiviti pelaburan yang produktif merentas sempadan telah memberikan manfaat besar kepada ekonomi global. Pertama, sistem kewangan Islam berpotensi untuk menyumbang kepada pertumbuhan global dan juga menyumbang kepada pengimbangan semula pertumbuhan global memandangkan ia menghasilkan integrasi kewangan yang lebih menyeluruh. Kedua, hubung kait kewangan antarabangsa yang lebih kukuh membolehkan potensi untuk pempelbagaian risiko yang lebih meluas. Peningkatan produk kewangan Islam, bilangan kelas aset ditawarkan yang semakin bertambah, pemilikan bersilang aset yang bertambah, kesemuanya meningkatkan kemungkinan untuk pempelbagaian risiko yang lebih meluas dan potensi untuk pulangan.

Sifat intrinsik kewangan Islam menggalakkan pengurusan risiko dan memberikan keyakinan melalui penzahiran dan ketelusan yang jelas mengenai peranan dan tanggungjawab yang digariskan dalam kontrak. Sifat ketelusan kontrak kewangan Islam dan keperluan urus niaga ekonomi yang mendasarinya memperkukuh kestabilan sistem kewangan Islam.

Walau bagaimanapun, cabaran penting pada masa hadapan adalah untuk membangunkan sistem kewangan Islam yang lebih kukuh, bersaingan dan dinamik, yang lebih mencerminkan penerapan prinsip Syariah dalam urus niaga kewangan dari segi bentuk, maksud yang tersirat dan isinya. Ini merupakan contoh matlamat Syariah dalam menggalakkan keadilan ekonomi dan sosial. Walaupun usaha membangunkan sistem kewangan Islam melalui produk dan perkhidmatan yang hampir serupa dengan produk dan perkhidmatan sistem kewangan konvensional telah diterima sebagai pendekatan pragmatik, pembangunan sistem ini dengan cara dan merit tersendiri diperlukan untuk memaksimumkan manfaat potensi sistem kewangan Islam. Bagi tujuan ini, yang penting ialah sistem kewangan Islam mempunyai tanda aras penetapan harga yang bersesuaian untuk menjadi penunjuk bagi sekuriti Islam supaya boleh dipercayai dan harga ditetapkan dengan lebih efisien.

Di samping itu, peranan cendekiawan Syariah yang mempunyai pemahaman sepenuhnya tentang mekanisme produk dan perkhidmatan kewangan Islam merupakan kunci untuk memastikan perkembangannya yang berterusan. Pada masa yang sama, keputusan Syariah perlu dizahirkan apabila telah dibuat. Ini akan membolehkan pihak

lain memahami sepenuhnya ijtihad yang telah dibuat, lantas keputusan Syariah dapat diterima dengan lebih meluas, terutama jika terdapat implikasi terhadap urus niaga merentas sempadan.

Memandangkan sistem kewangan Islam semakin menjadi lebih bersepadu pada peringkat antarabangsa, maka menyedari akan kekuatan dan kesalinglengkapan rantau dan keinstitusian yang berbeza serta keperluan bagi memaksimumkan sinergi adalah penting. Kerjasama dalam kalangan pusat serantau dan peserta utama kewangan Islam akan menjadi bahagian penting proses yang akan menyumbang ke arah peningkatan integrasi kewangan antarabangsa. Perbincangan yang membina dalam bentuk perkongsian dan kerjasama strategik serta akses pasaran perlu dipertingkatkan. Dengan membenarkan lebih banyak akses pasaran dalam kalangan peserta pusat kewangan Islam, ia boleh menjadi pemangkin bagi peningkatan integrasi dan elemen inovasi dalam industri kewangan Islam.

Pengalaman Malaysia dalam memperkukuh dimensi antarabangsa sistem kewangan Islam telah menunjukkan hasil yang positif. Ini bermula sejak tahun 2002 dengan terbitan sukuk global pertama sehingga langkah liberalisasi untuk membenarkan akses pasaran yang lebih luas dalam inisiatif perbankan Islam dan Takaful, dengan membenarkan penyertaan peserta asing.

Bidang ketiga integrasi antarabangsa ialah liberalisasi pasaran kewangan kita untuk membenarkan penyertaan asing yang lebih besar. Dalam pasaran sukuk, khususnya, syarikat asing, agensi multinasional dan agensi pelbagai hala boleh memperoleh instrumen dalam denominasi ringgit dan mata wang asing dalam pasaran kita. Pasaran sekuriti hutang swasta kita ialah yang terbesar di Asia Tenggara. Malaysia juga mempunyai sistem pentadbiran pertukaran asing yang sangat liberal yang membenarkan aliran dana masuk dan keluar dengan bebas. Penggunaan dana yang diperoleh dalam pasaran kita juga tidak disekat. Dana ini boleh digunakan untuk pelaburan di luar negeri.

Akhir sekali, institusi kewangan kita telah pun meneroka melangkaui sempadan negara. Kesemua perkembangan ini semakin memperkukuh jalinan hubungan kita dengan pusat-pusat kewangan Islam yang lain.

Satu lagi bidang penting kewangan Islam ialah pelaburan dalam penyelidikan dan pembangunan. Perkongsian strategik antarabangsa yang ditingkatkan melalui perkongsian pintar boleh melahirkan sinergi yang lebih besar yang akan menjana pendekatan baharu, teknologi baharu dan bidang pengkhususan baharu. Kerjasama sedemikian dalam kalangan institusi kewangan Islam akan memperkukuh keupayaan untuk memanfaatkan kekuatan yang ada pada industri ini. Pengenalan produk kewangan Islam yang inovatif dalam negara-negara tertentu boleh dikembangkan ke negara-negara lain, yang seterusnya akan memperlebar dan memperdalam pasaran kewangan Islam, lantas memperkukuh keseluruhan pembangunan industri kewangan Islam. Sebagai tambahan, kerjasama antara penyelidik ilmiah dan pengamal akan membolehkan aplikasi praktikal hasil penyelidikan tersebut.

Dalam bidang pendidikan dan latihan dalam kewangan Islam, terdapat kekurangan tenaga mahir yang kritikal dalam industri kewangan Islam pada masa ini. Kerjasama antara institusi latihan adalah penting untuk membangunkan kumpulan pakar kewangan Islam yang berpegang pada piawai umum. Penubuhan rangkaian kerjasama antara institusi pengajian tinggi merentas rantau akan mempertingkatkan usaha dalam bidang pembangunan kurikulum, penyelidikan, latihan, pertukaran idea dan maklumat, dan

sumber-sumber dalam kewangan Islam. Perkongsian tersebut yang menghubungkan komuniti berilmu antara rantau akan mempermudah proses ini.

Dalam bidang Syariah, penyeragaman pandangan dan keputusan Syariah secara progresif dan saling pengiktirafan piawai dan produk kewangan antara negara akan menjadi pendorong utama ke arah integrasi kewangan antarabangsa yang lebih besar. Penyeragaman dan pengharmonian sedemikian hanya boleh terjadi melalui perbincangan yang lebih meluas antara pengawal selia, pengamal dan ilmuwan kewangan Islam dalam komuniti antarabangsa.

Akhir sekali, proses integrasi juga memerlukan kerjasama yang lebih kukuh dalam kalangan pengawal selia untuk memastikan sistem kewangan Islam tidak mudah terjejas dan disalah guna, lantas memastikan kekukuhan dan kestabilannya. Dalam hal ini, perkongsian maklumat antara pengawal selia, termasuk kerjasama dengan pengawal selia negara-negara lain adalah penting khususnya dalam persekitaran yang semakin global dan liberal, yang terdapat aktiviti dan urus niaga kewangan yang lebih kompleks dan global. Sehubungan dengan itu, Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam mempunyai peranan yang penting untuk mempermudah proses ini.

Hubungan kewangan yang lebih erat dalam kalangan institusi kewangan Islam dari negara-negara yang berbeza penting untuk menyumbang ke arah mempercepat proses integrasi dan juga bertindak sebagai penghubung untuk memperkuat hubungan pasaran kewangan Islam antarabangsa serta hubungan pelaburan dan perdagangan antara rantau. Hubungan sedemikian dalam industri ini juga akan mendorong kepada penawaran produk baharu dan pengaturan bersama pembiayaan. Mungkin akan terdapat juga pembangunan bersama sistem Teknologi Maklumat dan teknologi lain termasuk penyelidikan dan usaha pembangunan lain.

Akhir sekali, izinkan saya menyentuh tentang perkembangan aspek sosioekonomi kewangan Islam. Meskipun institusi kewangan Islam yang didorong oleh keuntungan akan terus berkembang dan menjadi semakin penting, trend ini perlu diperlengkap oleh evolusi yang serupa dalam aspek sosioekonomi kewangan Islam seperti wakaf atau zakat. Sistem zakat dan wakaf yang lebih mantap bukan sahaja menjadi pelengkap rumusan bagi sistem kewangan Islam yang komprehensif yang menyokong pengagihan kekayaan yang lebih saksama untuk memastikan keadilan dan kesaksamaan, bahkan juga bertindak sebagai pengguna perkhidmatan kewangan Islam khususnya dalam pengurusan dan pelaburan dana zakat dan wakaf. Selain itu, akses kepada perkhidmatan kewangan Islam bagi perusahaan mikro akan membawa perusahaan seperti ini ke dalam arus perdana ekonomi dan meningkatkan prestasi mereka.

Kesimpulan

Sambil kewangan Islam maju ke hadapan untuk menjadi komponen penting sistem kewangan antarabangsa, usaha berterusan diperlukan untuk membangunkan lagi sistem kewangan domestik bagi memenuhi keperluan yang sering berubah dalam persekitaran yang sangat dinamik dan pesat berkembang. Dalam usaha kita untuk membina sistem kewangan Islam yang berdaya maju dan mampan, sasaran adalah untuk menyumbang kepada penyaluran aliran modal kepada pelaburan yang produktif, mewujudkan kekayaan dan menggalakkan aktiviti ekonomi yang mematuhi prinsip dan nilai Syariah. Dengan ini, sistem kewangan Islam akhirnya akan memberikan manfaat bukan sahaja kepada orang Islam tetapi juga kepada seluruh umat manusia, Insya-Allah.

KALENDAR PERISTIWA
Julai – September 2007

6 Julai 2007

Bank Negara Malaysia mengumumkan penubuhan BNMTELELINK, pusat hubungan baharu untuk melengkapkan perkhidmatan di kaunter yang disediakan oleh BNMLINK. Kedua-dua pusat itu memberikan maklum balas yang segera dan efisien kepada orang ramai mengenai perkara yang berkaitan perbankan konvensional dan Islam, insurans dan takaful, khidmat nasihat untuk perusahaan kecil dan sederhana, pentadbiran pertukaran asing dan hal-hal lain di bawah bidang kuasa Bank Negara Malaysia. Orang ramai boleh menghubungi BNMTELELINK melalui telefon, faks, surat atau e-mel.

19 Julai 2007

Pada Sidang Kemuncak Perbankan Malaysia ke-11 yang bertemakan ”Pembaharuan dan Transformasi Industri Perbankan Malaysia”, Gabenor mengumumkan pengenalan rangka kerja baharu untuk memudahkan proses inovasi produk. Dr. Zeti berkata bahawa rangka kerja baharu itu akan memudahkan proses pengawalseliaan dan memberikan ruang kefleksibelan yang lebih luas kepada bank dan penanggung insurans untuk memperkenalkan produk baharu dengan lebih cepat dalam pasaran dan pada masa yang sama, mewujudkan program pengurusan produk yang kukuh dalam institusi masing-masing. Beliau menegaskan bahawa bank-bank dan penanggung insurans yang layak diharap dapat menggunakan kefleksibelan ini dengan penuh tanggungjawab dengan memelihara kepentingan pengguna.

Pada hari yang sama, Bank Negara Malaysia mengeluarkan tiga jenis duit syiling peringatan bersempena pertabalan Yang Di-Pertuan Agong Al Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin Ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah.

24 Julai 2007

Pada mesyuarat kelimanya, Jawatankuasa Dasar Monetari Bank Negara Malaysia mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (overnight policy rate, OPR) pada 3.50 peratus dan mengekalkan kadar itu pada paras yang sama pada mesyuarat berikutnya pada 24 Ogos.

30 Julai 2007

Bank Negara Malaysia mengeluarkan tiga jenis duit syiling peringatan untuk memperingati Ulang Tahun ke-50 Kemerdekaan Malaysia.

13 Ogos 2007

Dalam Kewangan Islam Malaysia ke-2 – Forum Penerbit dan Pelabur 2007, Gabenor berucap mengenai potensi pertumbuhan besar pasaran sukuk global. Beliau berkata peranan kewangan Islam yang semakin meningkat dalam menggembleng dan menyalurkan dana kepada aktiviti pelaburan yang produktif merentas sempadan telah menyumbang kepada pengagihan dana yang lebih efisien dan memudahkan perdagangan dan pelaburan antarabangsa. Dr. Zeti mengambil maklum bahawa Malaysia menerajui kewangan Islam global, mencakupi dua pertiga atau kira-kira USD47 bilion daripada sukuk global terkumpul. Malaysia juga merupakan penerbit terbesar sukuk dari segi bilangan. Malaysia memberikan penyelesaian menyeluruh untuk aktiviti sukuk dengan menyediakan platform terbitan dan dagangan sukuk yang lengkap, disokong oleh empat perkara utama: pelbagai instrumen Islam, infrastruktur perundangan dan pengawalseliaan yang kukuh, rangka kerja tadbir urus Syariah yang mantap dan bekalan tenaga mahir yang berpengalaman. Perkara-perkara ini disokong oleh sistem kewangan Islam yang komprehensif dengan komponen utama terdiri daripada perbankan Islam, takaful dan pasaran wang dan modal Islam yang kini berada pada tahap pembangunan yang lebih maju.

29 Ogos 2007

Bank Negara Malaysia mengumumkan bahawa ekonomi Malaysia berkembang 5.7% pada suku kedua 2007 (S1: 5.5%). Pertumbuhan didorong oleh permintaan dalam negeri yang diterajui oleh aktiviti sektor swasta yang berdaya tahan dan diperkukuh oleh perbelanjaan sektor awam yang meningkat. Dari segi penawaran, pertumbuhan disokong oleh prestasi sektor perkhidmatan yang berterusan kukuh dan aktiviti sektor perlombongan dan pembinaan yang lebih giat.

5 September 2007

Bank Negara Malaysia mengumumkan penubuhan Program Meningkatkan Tenaga Mahir dalam Sektor Kewangan untuk menangani kekurangan tenaga kerja mahir dalam industri kewangan. Program intensif selama setahun ini menyediakan latihan teknikal industri kewangan, simulasi, bengkel, kajian kes dan pendedahan latihan sambil bekerja melalui latihan amali dengan institusi kewangan. Pemohon yang terpilih akan ditawarkan biasiswa yang menarik untuk program ini dan apabila tamat latihan, mereka yang berjaya akan diserapkan ke dalam sektor kewangan.

13 September 2007

Bank Negara Malaysia sebagai Sekretariat Majlis Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Kebangsaan (MPPK) melancarkan Laporan Tahunan PKS 2006. Laporan ini memberikan maklumat mengenai prestasi PKS dan memaparkan program-program utama yang dilaksanakan oleh Kerajaan untuk menggalakkan pembangunan PKS. Laporan ini juga mengandungi kisah-kisah kejayaan PKS yang mendapat manfaat daripada program dan insentif Kerajaan. MPPK juga mengumumkan beberapa inisiatif penting untuk menggalakkan lagi sektor PKS yang berdaya saing dan berdaya tahan seperti penubuhan Agensi Penyelaras Pusat PKS, program pembangunan untuk industri asas tani dan membangunkan PKS yang inovatif.

25 September 2007

Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia memutuskan bahawa pengagihan lebihan dana *tabarru'* dalam skim takaful dan penggunaan konsep *wakalah* dalam instrumen deposit adalah harus dari perspektif Syariah. Berikutan keputusan ini, adalah dijangkakan bahawa institusi kewangan Islam akan dapat mempelbagaikan produk-produk yang mematuhi Syariah dan menjadi lebih kreatif dan inovatif dalam penawaran produk-produk mereka.